

Jilid I
Bil. 35



Hari Selasa
30hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Kehadiran T.Y.T Hwang Jang Yob dan Rombongan
[Ruangan 4479]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4479]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas)—

Jadual

Maksud B. 61 [Ruangan 4510]

Maksud B. 62 [Ruangan 4546]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 4509]

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kelimabelas)—

Maksud P. 61 [Ruangan 4510]

Maksud P. 62 [Ruangan 4546]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
(Kubang Pasu)

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S., (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN
JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON
PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL
KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan
Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).

- Yang Berhormat **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEOH POH SAN (Petaling).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 30hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua, *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN
TUAN YANG DIPERTUA**

**Mengalu-alukan Kehadiran T.Y.T.
Hwang Jang Yob dan Rombongan**

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan bahawa Tuan Yang Terutama Hwang Jang Yob, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Supreme People's Assembly Democratic People's Republic Korea dan rombongannya sekarang sedang berada di dalam Dewan yang mulia ini. *(Tepuk)* Mereka sedang melakukan lawatan muhibbah ke Malaysia sebagai tetamu saya selaku Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Bagi pihak Parlimen Malaysia, saya mengalu-alukan mereka ke Dewan ini khususnya dan ke Malaysia amnya. Kita berharap lawatan mereka itu akan mempererat tali persahabatan di antara kedua-dua negara. Kita mengucapkan selamat kepada mereka.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir)

**KEMELESETAN EKONOMI
NEGARA**

2. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan telah menyusun satu rancangan jangka pendek untuk berusaha menghadapi kemelesetan ekonomi sekarang ini selain dari sekatan sementara dikenakan ke atas import kereta-kereta mewah dan jika benar apakah langkah-langkah yang lain akan diambil oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah melaksanakan beberapa strategi dan dasar jangka pendek dan pertengahan untuk mengurangkan kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi antarabangsa ke atas ekonomi negara. Langkah-langkah ini telah pun diumumkan di dalam Belanjawan Tahunan sejak dua tiga tahun kebelakangan ini. Pengumuman juga telah dibuat mengenai beberapa langkah tambahan di dalam Belanjawan Tahun 1983 untuk menstabilkan ekonomi, mengurangkan kenaikan harga dan untuk membolehkan ekonomi Malaysia bertambah pada kadar yang sederhana.

Sementara itu, Tuan Yang Dipertua, ingin juga saya maklumkan bahawa tidak ada sekatan sementara dikenakan ke atas import kereta-kereta mewah seperti yang terdapat di dalam soalan ini tetapi sebenarnya ialah cukai-cukai dinaikkan, bukan disekat pengimportan kereta-kereta itu.

**PENGHARAMAN BUKU
"POLITICS IN A
PLURAL SOCIETY"**

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya telah siap mengulangkaji pengharaman yang dikenakan ke atas buku "Politics in a Plural Society" yang ditulis oleh Vasil, dan sama ada pengharaman ke atas buku tersebut akan ditarik balik.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya telah pun selesai mengkaji semula larangan yang dikenakan kepada buku "Politics in a Plural Society" yang ditulis oleh R. K. Vasil. Buat masa ini Kementerian saya tidaklah bercadang untuk menarik semula larangan tersebut.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada pengharaman ke atas buku "Politics in a Plural Society", apakah garis-garis panduan untuk mengharamkan sesuatu buku?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sebelum daripada saya memberitahu tentang garis-garis panduan berhubung dengan pengharaman sesebuah buku, sukalah saya menyatakan bahawasanya kita tidak mengharamkan sesebuah buku mengikut nafsu ataupun kerana penulisnya yang tertentu. Kita tidak ada sama sekali mengamalkan diskriminasi. Jadi apa yang kita lakukan pada hari ini ialah pengkajian yang kita buat tentang kandungan buku tersebut sedalam-dalamnya.

Di samping itu, kita juga meneliti dengan secermat-cermatnya iaitu sama ada kalimah ataupun rangkaian kata ataupun kalimah prejudicial atau tidak terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam. Pada hari ini segala buku-buku yang kita hendak haramkan, kita berasaskan kepada

Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mana kalau saya hendak nyatakan di sini panjang juga, Tuan Yang Dipertua, walau bagaimana sekalipun sukalah saya sebutkan dua perkara. Yang pertama sekali, dengan izin, saya nyatakan di dalam bahasa Inggeris:

- (a) is calculated or likely to lead to a breach of peace or to promote feelings of hostility between different races or classes of the population, or
- (b) is prejudicial to the national interest, public order or security of Malaysia.

Juga masalah-masalah sama ada kata-kata itu mengandungi apa yang dikatakan contains an incitement to violence and counsels disobedience to the law or to any lawful order. Itulah asas-asas dan basis-basis yang kita menjalankan tugas-tugas pengharaman terhadap sesebuah buku.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa buku ini ditulis oleh seorang political scientist daripada sudut political science yang mendapat ijazah Ph. D di Universiti Malaya dan buku ini diterbitkan oleh Oxford University Press, sebuah publisher tempatan dan adakah pengharaman atas buku ini diteruskan merupakan bahawa Kerajaan 2M yang ada berkata bahawa sudah memulakan satu dasar liberalisation. Sebenarnya, belum begitu liberal dan apakah bahagian-bahagian dalam buku ini yang melanggar bahagian prejudicial kepada keselamatan negara kita?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, mengikut pengkajian kita berhubung dengan laporan yang telah dibuat oleh Kementerian buku ini didapati mengandungi resolusi-resolusi,

laporan-laporan, memorandum-memorandum, kenyataan-kenyataan, cabutan-cabutan (extracts) Parti Buruh Malaya iaitu sebuah parti yang telah dibatalkan pendaftarannya pada 6hb September, 1972 kerana ianya telah diresapi oleh komunis dan anasir-anasir subversif dan tajuk-tajuk yang terdapat dalam buku itu, amat merbahaya kerana kedudukan raja-raja disentuhnya juga, dasar pelajaran, di samping sistem pentadbiran sekarang kononnya sistem demokrasi phoney. Dalam resolusi yang diluluskan oleh Parti Buruh dalam Konvensyen Kebangsaan yang Ke 13 di Pulau Pinang dalam bulan Ogos, 1967 terdapat istilah-istilah yang sering digunakan oleh Parti Komunis Malaya. Contohnya, dengan izin: "The World Counter-revolutionary and Aggressive Forces". Satu lagi "The U.S. Imperialism", "The Russian Revisionism and other Reactionaries" dan tersurat jua ungkapan-ungkapan ataupun jargon yang berbunyi seumpamanya, dengan izin: "The Puppet Regime of Rahman and Lee Kuan Yew" yang mana adalah terang-terangan propaganda komunis. Suara revolusi sentiasa menyebutkan "puppet regime". Soalnya adakah ini sesuatu yang hendak kita benarkan menjadi bahan bacaan bagi rakyat yang cintakan kepada kemerdekaan dan demokrasi negara ini? Tidak sedarkah kita bahawa sudah lama kita mengorbankan segala tenaga untuk membenters komunis dan anasir-anasirnya? Ini perlu kita kaji. Inilah soalnya yang kami terpaksa melarangkan buku ini daripada dibebaskan bagi menjadi bacaan umum (*Tepuk*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya oleh kerana pengharaman semua buku itu bukan terletak kepada pengarangnya walaupun berjela-jela Ph. D yang

dapat mungkin pendapatnya tidak sama dengan keadaan yang sebenar berlaku dalam negara kita dan kita biarlah mereka itu kepada penyokong-penyokongnya. Jadi, apabila buku ini diharamkan apakah tindakan yang akan diambil kepada pengarangnya kalau sebenarnya buku ini telah memberi kesan kepada rakyat negara ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, bila kita mengharamkan sesebuah buku maka adalah undang-undang yang berkaitan dengannya yang boleh kita gunakan dan di antaranya sukalah saya nyatakan sedikit lagi kepada Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan soal pengarang tadi, iaitu kita pasti mengetahui perbezaan di antara soal-soal pengarang local dengan pengarang yang tidak local. Pengarang yang tidak local memang tidak tahu tentang komposisi dan sensitiviti rakyat yang ada di dalam negara ini sebagai negara local.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan atau sebab-sebab yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa oleh kerana ada petikan-petikan Parti Buruh dan cabutan-cabutan lain yang menyebabkan pengharaman buku ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa buku ini, kalau saya tidak silap, ialah satu kajian mengenai perkembangan politik di tanahair kita dalam tahun 50an dan 60an dan tentulah dalam kajian ini apabila ada satu kajian beberapa buah parti ada satu kajian mengenai latar belakang dan perkembangan parti dan adakah menjadi satu dasar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa apa-apa buku baikpun ditulis oleh Dr Vasil atau lain-lain orang yang di mana dalam buku mengenai politik tanahair kita ada cabutan-cabutan, ada rujukan-rujukan mengenai resolusi-resolusi Parti Buruh

baikpun mengenai new imperialism atau apa-apa resolusi Parti Buruh yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu akan diharamkan semua? Dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kalau ini menjadi ukuran untuk mengharamkan scholarly works, semua buku mengenai politik Malaysia akan diharamkan oleh kerana semua buku-buku mengenai politik Malaysia pun tentu ada rujukan kepada Parti Buruh, resolusi-resolusi baikpun oleh Professor Ming, oleh Ratnam atau oleh sesiapa pun dan semua Perpustakaan kita di Universiti-universiti akan tidak ada lagi ruang untuk politik Malaysia?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sekejap tadi saya menyatakan bahawa dalam kita menjalankan tugas untuk mengharamkan buku satu penelitian yang terperinci yang benar-benar mendalam, yang benar-benar cermat dilaksanakan untuk menentukan sama ada buku itu boleh dibebaskan ataupun patut diharamkan dan kita ada dalam undang-undang kita iaitu di bawah seksyen 22 AKDN perkara-perkara yang patut diperhati sama ada kita hendak mengharam atau tidak buku itu tetapi kita tidak mengamalkan diskriminasi sama sekali. Kita berasaskan kepada undang-undang yang saya sebutkan sekejap tadi, yang pertama saya katakan: "contains an incitement to violence" tidak kira siapa yang menulis. Kalaulah ada unsur-unsur yang boleh membawa kepada incitement to violence maka kita tidak boleh membenarkan buku itu berleluasa di negara kita ini. Kita takut rakyat kita, terutama sekali budak-budak muda, pelajar-pelajar kita terlibat sama dengan kenyataan-kenyataan yang semacam ini sebab kita sudah lama berjuang menentang komunis, bukan baru, sudah begitu lama. Itulah sebabnya dahulu saya pernah berkata kepentingan negara patutlah kita utamakan daripada yang

lain-lain. Jangan sangat kita memikirkan tentang kepentingan politik kita sendiri.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, "counsels to the disobedience of law or to any lawful order." Itu "wide". Yang Berhormat sendiri seorang peguam tentu mengetahui bagaimana luasnya latitude makna yang dikatakan "counsels to the disobedience of law or to any lawful order". Sesuatu yang boleh menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diingini berhubung dengan keamanan negara, sudah tentu bercanggah dengan apa yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga dengan apa yang dikatakan "it is calculated or likely to lead to a breach of the peace". Itu pun kita mesti faham. Kita tidak boleh jangka soal-soal "likely to lead" tetapi kita boleh menyekat jikalau kita dapati perkara itu akan menyebabkan "likely to lead to the breach of the peace".

Begitulah juga dengan hal-hal yang lain. Itulah sebabnya kita tidak kira sama ada penulis itu professor atau siapa sahaja, kalau bercanggah dengan undang-undang yang ada pada hari ini, kita tidak boleh membenarkan sama sekali (*Tepuk*).

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V

4. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan peratus murid-murid yang lulus di dalam peperiksaan penilaian darjah V dan berjaya masuk sekolah berasrama penuh Kerajaan, bagi murid-murid yang berasal dari sekolah luar bandar berbanding dengan murid-murid yang berasal dari sekolah dalam bandar. Apakah langkah Kementerian di dalam usaha untuk memperbanyakkan

murid-murid dari luar bandar, berjaya di dalam peperiksaan penilaian darjah lima dan seterusnya berjaya memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh Kerajaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Peperiksaan Penilaian Darjah V itu adalah berbeza daripada peperiksaan Kebangsaan yang lain seperti Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Ia cuma menilai serta menggredkan pencapaian murid-murid dalam satu-satu matapelajaran. Murid-murid tidak dikategorikan lulus atau gagal secara keseluruhan dalam peperiksaan tersebut dan dengan itu tidak ada perangkaan peratus murid yang lulus bagi Peperiksaan Penilaian Darjah V.

Pemilihan masuk murid-murid ke Sekolah Berasrama Penuh adalah dibuat berdasarkan beberapa kriteria dengan memberi keutamaan kepada murid-murid dari sekolah-sekolah yang berkurangan dalam banyak hal termasuk kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran dan tempat di mana terletakinya sekolah-sekolah tersebut. Oleh kerana murid-murid sekolah-sekolah di luar bandar yang mengalami kekurangan seperti yang disebutkan itu maka priority adalah diberi kepada mereka. Tetapi terdapat juga sekolah-sekolah di bandar-bandar yang mengalami kekurangan kemudahan. Oleh itu, sekolah seperti ini juga digolongkan sama seperti sekolah-sekolah luar bandar. Walau bagaimanapun, adalah sukar diberi peratusan yang tepat murid-murid dari luar bandar yang telah dipilih memasuki sekolah berasrama penuh tahun-tahun yang lalu, tetapi jumlah mereka adalah lebih dari murid-murid dari bandar.

Kementerian Pelajaran telah, sedang dan akan terus berusaha meningkatkan pencapaian murid-murid dari luar bandar dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V.

Langkah-langkah ini dapat diuruskan dengan memberi lebih banyak kemudahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di luar bandar. Di samping itu, bagi menambahkan lagi bilangan murid-murid luar bandar memasuki Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Pelajaran sedang membina lebih banyak lagi sekolah serupa itu.

Insya Allah di akhir Rancangan Malaysia Keempat nanti, kita berharap akan mempunyai sebanyak 38 buah Sekolah Berasrama Penuh di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan ramai murid-murid yang lulus peperiksaan Penilaian Darjah V yang mendapat 5A tidak dapat masuk ke dalam asrama-asrama penuh sekolah-sekolah di bandar-bandar dan banyak pada mereka ini keciwa oleh kerana tidak dapat memasuki di sekolah tersebut. Adakah Kementerian bercadang supaya peperiksaan penilaian ini dihapuskan? Sekiranya ya, bila, dan sekiranya tidak, mengapa tidak.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, yang pertama saya sukacita menerangkan bahawa Penilaian Darjah V tadi bukanlah merupakan kriteria utama bagi kemasukan kepada sekolah-sekolah yang berasrama penuh. Setakat ini bilangan murid-murid yang telah mendapat 5A adalah melebihi daripada tempat-tempat yang boleh diperuntukkan di dalam sekolah-sekolah berasrama penuh.

Bagi menjawab soalan sama ada ianya akan dihasilkan atau tidak, Kementerian sedang mengkaji tentang hal ini dan saya ingin sekali lagi menyatakan bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh ini diwujudkan untuk membantu murid-murid khususnya yang datang dari kawasan

luar bandar yang mana apabila kita perlu meningkatkan persekolahan mereka ke peringkat menengah didapati sekolah-sekolah menengah tadi adalah berjauhan dengan kawasan-kawasan yang mereka datang. Inilah maksud pertama kenapa sekolah-sekolah ini diwujudkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sebagaimana yang kita tahu bahawa memang Penilaian Darjah V bukanlah untuk tujuan untuk pergi ke asrama penuh tetapi markah yang didapati oleh murid-murid itu merupakan satu penentuan yang murid itu akan dapat pergi ke asrama penuh. Jadi, dengan keadaan ini tentulah kelak menjadikan kehampaan kerana tidak dapat masuk ke asrama penuh. Jadi, apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu ujian lain bagi pilihan ke asrama penuh sebagaimana yang dibuat oleh MRSM ataupun mengadakan satu ujian yang sama semua sekolah-sekolah asrama penuh termasuk MRSM sekali supaya benar-benar yang penilaian ini tidak digunakan untuk kemasukan ke sekolah asrama penuh.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa ujian penilaian sama ada seseorang pelajar itu mendapat 5A tidak bukanlah merupakan kriteria utama bagi kemasukan. Kita juga membuat perkiraan yang lain seperti locality, seperti dari mana jenis sekolah yang mereka datang, sama ada mereka ini mempunyai latarbelakang kemiskinan dan sebagainya, benar-benar jauh daripada kawasan luar bandar. Ini merupakan bahan-bahan yang kita memperkirakan dan saya ingin menyatakan di sini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa bagi tahun 1983 yang mana proses

pemilihan sudahpun kita buat. Segala kriteria-kriteria yang kami anggap penting ini telah pun dijadikan sebagai bahan untuk dimasukkan ke dalam sistem komputer yang kita gunakan untuk membuat pemilihan bagi kemasukan tahun 1983.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa murid-murid di luar bandar diberikan keutamaan; maksudnya murid-murid yang cemerlang mendapat 5A misalnya diberi keutamaan terlebih dahulu untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh yang terdapat di dalam negara ini. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran untuk membezakan sekolah-sekolah itu sama ada ianya di dalam bandar ataupun di luar bandar. Adakah perkataan 'bandar' itu bererti bandar seperti Kuala Lumpur, Seremban atau bandar-bandar besar yang lain ataupun perkataan 'bandar' itu sendiri bererti bandar-bandar kecil seperti Mersing dan seumpamanya juga diistilah sebagai sekolah bandar.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya rasa tidak perlu saya membuat penjelasan antara bandar dengan kampung, kita semua kenal dan dalam kawasan-kawasan kita pun ada bandar, ada kampung dan kita tahu yang mana satu kawasan bercorak begitu.

Saya ingin menyatakan bahawa di sekolah-sekolah bandar ini biasanya mempunyai kemudahan-kemudahan yang agak lebih daripada sekolah-sekolah yang berada di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini oleh kerana adanya peningkatan, kemudahan-kemudahan yang kita berikan ke sekolah-sekolah rendah di luar bandar maka sudah ramai murid-murid yang telah

mendapat 5A dalam penilaian dan ini tidak bermakna bahawa kesemua yang mendapat 5A itu boleh dipilih untuk pergi ke sekolah berasrama penuh. Dalam hal ini sudah tentulah, seperti saya katakan kita terpaksa juga membuat penelitian yang pasti termasuk juga umpamanya sekiranya secara kebetulan murid-murid itu mendapat 5A dan yang lain tidak mendapat 5A tetapi dari segi kriteria lain seperti latarbelakang keluarga dan sebagainya adalah sama maka secara kebetulan kita akan memilih mereka yang mendapat 5A-itu sahaja.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menyatakan bahawa banyak faktor akan diambil kira misalnya selain daripada prestasi dalam Penilaian Darjah V, maka faktor-faktor ini akan dimasukkan ke dalam komputer, ini bermaksud bahawa angka-angka yang tertentu akan diberi. Adakah ini bermaksud bahawa pemberatan yang tertentu akan diberi kepada kawasan luar bandar, misalnya yang mengakibatkan seorang murid yang mempunyai 3A akan terpilih sekiranya dia berasal dari satu latarbelakang yang benar-benar tersekat sedangkan seorang yang lain yang mendapat 5A tidak akan terpilih, kerana dia datang dari sebuah bandar kecil ataupun dari kawasan luar bandar yang bukan begitu mundur.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, yang sebenarnya seperti saya katakan tadi masalah latar belakang ini tidak timbul oleh kerana didapati seperti saya jawab tadi, murid-murid atau bilangan murid-murid yang mendapat 5A sekalipun sudah melebihi tempat-tempat yang boleh kita peruntukan. Dalam hal ini kita memang membuat perhitungan juga bahawa sekiranya perlu walaupun

seseorang murid itu sekiranya dia datang dari kawasan luar bandar dan tidak mendapat 5A, kita akan juga memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang Dipertua, dalam penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan tempat yang ada sangat kekurangan kalau kita bandingkan dengan murid-murid yang mendapat 5A dalam Peperiksaan Penilaian. Ini membuktikan bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh itu begitu popular dan mendapat keyakinan penuh daripada para ibu-bapa. Dalam hal ini, adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak menambahkan lagi bilangan sekolah-sekolah yang berasrama penuh untuk hendak menampung kehendak-kehendak dari penduduk-penduduk di luar bandar?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya telah menyatakan dalam rangka jawapan kepada soalan-soalan tadi bahawa sehingga ke peringkat Rancangan Malaysia Keempat, kita akan membuat pertambahan sehingga kepada 38 buah sekolah-sekolah berasrama penuh. Bagi Rancangan Malaysia seterusnya, umpamanya, Rancangan Malaysia Kelima, maka kita perlu membuat satu kajian oleh kerana kita tahu Kerajaan juga sedang meningkatkan kemudahan-kemudahan yang boleh diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Kita juga sedang membuat perkiraan untuk membangun sekolah-sekolah menengah di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi, apabila sudah terdapatnya kemudahan-kemudahan yang baik di kawasan luar bandar, termasuk di peringkat sekolah menengah tadi, mungkin juga pada ketika itu anggapan kita bahawa hanya di sekolah berasrama penuh sahaja pelajar-pelajar boleh mendapat didikan yang baik akan berkurangan.

Saya memang yakin bahawa kesesuaian ini akan berlaku di masa-masa akan datang.

GAS ASLI CECAIR—HASIL

5. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah anggarannya hasil yang boleh didapati dari gas asli cecair di Bintulu pada tahun 1983; dan
- (b) apakah kadarnya royalti kepada negeri Sarawak daripada pengeluaran gas asli cecair.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Anggaran hasil-hasil eksport yang dijangka didapati dari penjualan gas asli cecair (LNG) kepada pembeli-pembeli di negeri Jepun dalam tahun 1983 ialah lebih kurang \$865 juta.
- (b) Sarawak mendapat 5% daripada nilai gas yang dijual kepada loji gas asli cecair dan dari anggaran \$865 juta tadi

ialah kira-kira \$18.8 juta pendapatan kepada Sarawak bagi tahun 1983.

PUKAT TUNDA— PENCEROBOHAN NELAYAN

6. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah pengaduan pencerobohan oleh nelayan-nelayan pantai terhadap pengusaha pukat-pukat tunda bagi tempoh tahun 1979, 1980 dan 1981 di:

1. Negeri Perlis;
2. Negeri Kedah;
3. Negeri Pulau Pinang;
4. Negeri Perak;
5. Negeri Selangor;
6. Negeri Johor.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Speaker, jumlah pengaduan pencerobohan oleh nelayan-nelayan tradisional terhadap pengusaha-pengusaha pukat tunda bagi tahun 1979, 1980 dan 1981 mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Tahun 1979</i>	<i>Tahun 1980</i>	<i>Tahun 1981</i>
	<i>Bil. Pengaduan</i>	<i>Bil. Pengaduan</i>	<i>Bil. Pengaduan</i>
Kedah/Perlis	224	588	652
Pulau Pinang	484	360	682
Perak	948	796	968
Selangor	80	200	652
Johor (Barat)	108	264	340

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementeriaannya menyasiat setiap pengaduan untuk memastikan bot-bot yang melakukan kesalahan-kesalahan yang berkenaan.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, Kementerian saya memang mengambil langkah untuk membuat siasatan atas pengaduan-pengaduan ini dan di mana pengaduan itu didapati benar, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang membuat pencerobohan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri mengenai peningkatan jumlah pengaduan yang telah meningkat dari setahun ke setahun. Apakah sebab-sebabnya bilangan pengaduan ini meningkat begitu cepat, hampir-hampir bagi tiap-tiap negeri?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, dari angka-angka yang saya berikan sebentar tadi bukan semua negeri di mana pengaduan ini bertambah, ada yang berkurangan juga. Tetapi satu sebab mengapa ada negeri-negeri di mana kejadian pencerobohan ini bertambah oleh kerana nelayan-nelayan sudah bertambah.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Ramai rakyat yakin bahawa bertambahnya pengaduan-pengaduan pencerobohan adalah disebabkan bertambahnya pengusaha-pengusaha haram pukut-pukat tunda. Saya ingin tahun adakah Kementerian Pertanian bercadang meluluskan lesen kepada pukut-pukat tunda yang sekarang membuat operasi secara haram?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, pencerobohan yang dikatakan ini bukan hanya terlibat kepada mereka yang tidak ada lesen menangkap ikan tetapi mereka yang ada lesen juga membuat kesalahan ini. Tentang pengusaha-pengusaha pukut tunda yang tidak berlesen, mereka yang layak boleh membuat permohonan untuk mendapat lesen.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pertanian telah menyebut perangkaan masalah pengaduan-pengaduan yang telah disampaikan oleh pihak nelayan-nelayan pantai. Di sini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan,

apakah tindakan-tindakan Kementerian ini yang telah diambil dan akan diambil terhadap pengaduan-pengaduan yang telah dibuat oleh pihak nelayan-nelayan pantai terhadap pengusaha pukut-pukat tunda tadi?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, seperti saya katakan sebentar tadi apabila siasatan dibuat dan didapati bahawa ada mereka yang membuat kesalahan ini apabila ditangkap tindakan undang-undang akan diambil.

PEMAJU SWASTA BUMIPUTERA—LESEN

7. Tuan Abdul Raman bin Sulaiman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada pemaju-pemaju swasta dan dari jumlah tersebut berapakah jumlah lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada pemaju-pemaju swasta Bumiputera;
- (b) berapakah jumlah unit rumah kediaman dan rumah kedai yang telah dibina oleh pemaju swasta mengikut negeri bagi tahun 1979; 1980 dan 1981;
- (c) jumlah yang telah dijual kepada bumiputera, mengikut unit rumah kediaman dan unit rumah kedai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Jumlah lesen-lesen yang telah dikeluarkan kepada pemaju-pemaju swasta dari tahun 1969 hingga Oktober, 1982 ialah sebanyak 2,552. Dari jumlah tersebut sebanyak 339 telah

dikeluarkan kepada pemaju perumahan swasta bumiputera. Ini merupakan sebanyak 13.28%.

Bagi soalan (b) pula, saya meminta izin untuk menjawab soalan ini secara bertulis, Tuan Yang Dipertua, tetapi sekiranya hendakkan juga saya sebutkan, boleh juga, tetapi akan mengambil masa yang panjang sedikit.

Timbalan Yang Dipertua:
Berkehendakkan notis?

Puan Napsiah binti Omar: Terima kasih. Untuk menjawab soalan (c), jumlah bilangan rumah kediaman serta rumah kedai yang telah dijual kepada bumiputera dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga iaitu dari tahun 1976 hingga 1980 adalah sebanyak 26,781 unit rumah kediaman dan 708 unit rumah kedai. Bagi tahun 1981 pula ianya adalah 8,551 rumah kediaman dan 349 unit rumah kedai.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa dari tahun 1969 hingga 1982 sejumlah 2,552 lesen telah dikeluarkan oleh Kementerian berkenaan. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa ada banyak syarikat yang berlagak menyeleweng seperti pemaju perumahan, dan jika beliau ada sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, saya sedar ada beberapa pemaju swasta yang telah mendapat lesen ini tetapi Kementerian tiada berkuasa untuk memastikan yang mereka itu melaksanakan projek perumahan mereka dan kita tidak menetapkan masa berapa lama tempohnya untuk mereka menyediakan atau menyiapkan projek-projek itu.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan pencapaian yang telah terima oleh Kementerian ini untuk lesen pemaju perumahan kepada bumiputera hanyalah setakat 13.28% sahaja. Adakah Kementerian ini berpuas hati untuk mencapai matlamat 30% dalam Dasar Ekonomi Baru sehingga 7 tahun sahaja lagi, dan jika ada, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kementerian untuk menuju kepada matlamat itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang menggalakkan "free enterprise" dan Kementerian tidaklah dapat memaksa mana-mana bumiputera ataupun syarikat-syarikat bumiputera untuk menceburkan diri dalam bidang perumahan tetapi Kementerian hanya dapat menggalakkan sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah syarat yang dikenakan kepada pihak yang tertentu sebelum lesen yang berjumlah 2,552 itu diluluskan supaya menghindarkan dan mencegah sebarang kecurangan dan penyelewengan?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu adalah soalan lain. Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

Tuan Tan Kok Hooi: Di antara 2,552 lesen yang dikeluarkan itu, 339 lesen adalah untuk bumiputera. Selain daripada itu, saya ingin tahu berapa pula dipegang oleh syarikat joint-venture misalnya perkongsian antara bumiputera dan bukan bumiputera?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, dukacita saya menyatakan di sini, saya tidak ada maklumat itu bersama dengan saya

pada hari ini tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukan jawapan itu saya akan berikan pada masa yang lain.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa memanglah Kementerian tidak mempunyai kuasa untuk memaksa supaya bumiputera mengambil bahagian dalam bidang perumahan ini tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kementerian ada menggalakkan kepada bumiputera untuk menceburkan diri dalam bidang itu. Apakah galakan-galakan yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, secara keseluruhannya Kerajaan Pusat telah pun memberikan beberapa galakan kepada semua pihak yang terlibat di dalam perindustrian perumahan ini termasuklah kaum bumiputera, misalnya cukai tentang bahan-bahan binaan dan juga cukai kepada 'machinery' yang digunakan di dalam perusahaan pembinaan adalah dikawal. Jadi ini adalah satu galakan sebagai misalan yang boleh saya berikan.

Tuan Lee Lam Thye: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kementerian nampaknya tidak ada kuasa untuk menentukan siapakah pemaju yang sebenar dan siapakah pemaju yang palsu. Soalan tambahan saya ialah tidaklah benar bahawa Kementerian ini ada mengumumkan tidak lama dahulu bahawa pihak yang berkenaan bercadang untuk meminda Akta Kawalan Pemaju (Perumahan dan Pelesenan) untuk mengatasi masalah pemaju palsu, dan jika benar, suka saya mendapat tahu bilakah

Kementerian berkenaan dapat menggubal undang-undang bagi tujuan untuk meminda Akta itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, Kementerian ini sedang menimbangkan pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan itu dan tujuan utamanya memberi kuasa yang lebih kepada pegawai-pegawai penguatkuasa di dalam Kementerian untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Ingin saya memperkatakan di sini bahawa mulai bulan ini, Kementerian saya telah pun mengadakan pegawai sendiri menjalankan tugas-tugas seperti itu di tiap-tiap buah negeri di Semenanjung terutamanya memberikan penekanan di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dari jawapan Timbalan Menteri berkenaan mengatakan galakan telah diberi kepada pemaju-pemaju bumiputera dalam menceburkan diri dalam perusahaan perumahan. Memandangkan kawasan-kawasan yang dimajukan oleh pemaju-pemaju bumiputera banyak melibatkan 'Malay Reservation' atau kawasan Rizab Melayu dan banyak kawasan ataupun housing estate ini di luar majlis daerah yang biasanya tidak menggalakkan untuk menukar syarat, adakah cara menggalakkan bumiputera dalam penglibatan di bidang perumahan ini pihak Kementerian menasihatkan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk memberi kelonggaran dalam aspek ini?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, semua Kerajaan-kerajaan Negeri melalui mesyuarat-mesyuarat antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Besar telah bersetuju dan memberi pengakuan untuk memberi kerjasama untuk

mempergiatkan lagi perusahaan pembinaan perumahan di seluruh negara.

PERMIT TEKSI—KATEGORI PEMILIK

8. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada sebarang permit-permit teksi telah dikeluarkan kepada bekas Ahli-ahli Dewan Rakyat/Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan-dewan Undangan Negeri dan juga yang masih ahli dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Jika ada, sila nyatakan nama serta bilangan permit-permit yang dikeluarkan kepada mereka masing-masing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmood): Tuan Yang Dipertua, daripada rekod-rekod yang ada di Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, tidak dapat dikesan sebarang permit teksi yang telah diluluskan kepada mana-mana Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Sungguhpun begitu saya akui maklumat ini sukar dikesan kerana sebelum tahun 1979 belum wujud dasar Milik Pandu Sendiri dan permit-permit dikeluarkan bukan sahaja atas nama perseorangan tetapi juga atas nama syarikat-syarikat, yang mungkin ada di antara pemegang-pemegang sahamnya terdiri dari Wakil-wakil Rakyat.

Sungguhpun begitu selepas wujud dasar Milik Pandu Sendiri saya dapat mengesahkan tidak ada sesiapa daripada kategori ketiga-tiga Ahli Dewan yang disebutkan, yang telah diberikan permit teksi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Jika terdapat kelemahan-kelemahan yang

dikesan, apakah langkah yang tertentu yang diambil untuk membetulkan keadaan itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan kelemahan dalam masalah mengesan, apa yang saya katakan tadi iaitu sebelum wujudnya dasar milik pandu sendiri pada tahun 1979 tidak dapat dikesan secara sepertimana yang dapat kita kesankan kepada permit-permit yang telah dikeluarkan mulai tahun 1979 hingga hari ini kerana permit-permit yang dikeluarkan sejak tahun 1979 sehingga hari ini adalah dikeluarkan kepada orang-orang perseorangan, kecuali dalam kes-kes yang tertentu dan ini senang dikesankan. Manakala mengenai atau permit-permit yang telah dikeluarkan sebelum 1979, oleh sebab adanya syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan permit-permit dan syarikat-syarikat ini mungkin mempunyai ahli atau pemegang saham yang ramai dan ini mungkin sukar untuk dikesan. Walau bagaimanapun, untuk makluman sahabat saya Yang Berhormat dari Kepong, kaedah pemberian permit teksi ini adalah dibuat atas kadar tempoh tujuh tahun, ertinya apabila pemohon hendak menyambungkan perमितnya setelah tamat 7 tahun, kita akan dapat mengesan dan di mana-mana dapat kita kesan di dalam masalah-masalah yang kita rasakan orang-orang yang tidak perlu diberi, insya Allah, kita tidak akan beri.

PEGAWAI P.T.D. KETURUNAN INDIA

9. **Tuan V. Govindaraj** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebilangan pegawai-pegawai P.T.D. dari keturunan India telah ataupun sedang meletakkan jawatannya kerana tidak berjaya mendapatkan kenaikan pangkat mestipun mereka ini telah memenuhi semua syarat-syarat yang dikehendaki

yang menyebabkan mereka terasa kecewa dan jika sedar apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi perkara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar bahawa sebilangan kecil pegawai-pegawai P.T.D. keturunan India telahpun atau sedang meletakkan jawatan kerana kecewa tidak dinaikkan pangkat.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah asas ataupun teras ataupun pegangan perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik ini, adakah Pegawai-Tadbir dan Diplomatik ini berkhidmat dengan penuh jujur, ikhlas, dedikasi dan berdasarkan kepada konsep.....

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat itu soalan lain.

Yang Berhormat Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron tidak hadir)

PINJAMAN LUAR NEGERI

11. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kewangan menyatakan hingga sekarang berapa jumlah pinjaman dari luar negeri, berapa jumlah faedah harus dibayar setiap tahun dan berapa jumlah hutang harus dibayar oleh Kerajaan Pusat setiap bulan.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, sehingga 30hb September, 1982, jumlah hutang Kerajaan dari luar negeri adalah sebanyak \$12 ribu juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$8.3 ribu juta merupakan pinjaman-pinjaman pasaran manakala \$3.7 ribu juta adalah pinjaman-pinjaman projek. Jumlah faedah yang dibayar ke atas semua pinjaman-pinjaman luar

negeri adalah sebanyak \$661.2 juta bagi tahun 1981 dan \$1,034.2 juta bagi tahun 1982. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman yang harus dibayar oleh Kerajaan adalah tertakluk kepada jadual pembayaran seperti yang tercatat di dalam tiap-tiap perjanjian pinjaman masing-masing. Mengikut kebiasaannya, kebanyakan pembayaran balik pokok pinjaman-pinjaman ini dibuat secara ansuran dua kali setahun dan tidak mengikut bulanan. Dalam tahun 1981, bayaran balik pokok pinjaman luar negeri berjumlah sebanyak \$180.2 juta, dan bagi tahun 1982, adalah dianggarkan akan berjumlah \$461.3 juta.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dari jumlah pinjaman dari luar negeri berapakah jumlah yang tidak digunakan oleh kerana projek-projek untuk pinjamannya tidak dijalankan dan berapakah "surcharge" sama ada dalam form interest, dengan izin, atau lain-lain nama surcharge yang dibayar oleh Kerajaan, oleh kerana projek-projek untuknya tidak dapat dijalankan.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, pada pengetahuan saya tidak ada kewangan yang dipinjam yang tidak digunakan dan yang hanya menelan faedah, oleh kerana dari pinjaman pasaran dunia ini akan didraw-down dengan izin, duit itu akan diambil apabila sahaja keperluan ada untuk digunakan, oleh kerana jika duit itu hanya didraw-down dan tidak digunakan dia akan menelan faedah yang banyak dan untuk projek-projek loan, ini akan diberikan kepada negara kita, apabila projek itu diteliti, dihalusi dan akan dilaksanakan, oleh kerana itu pada pengetahuan saya tidak ada duit yang hanya diambil dan tidak digunakan.

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan jumlah peratusan pinjaman daripada negeri Jepun dan berapa peratuskah jumlah pinjaman tersebut terikat kepada syarat-syarat pinjaman yang memastikan pembekalan bahan binaan, jentera-jentera, alat-alat ganti atau lain-lain syarat daripada Jepun.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, dukacitalah saya minta notis.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Memandangkan hutang begitu banyak \$12 ribu juta, adakah wang ini digunakan untuk pembangunan jangka panjang, jangka pendek ataupun untuk pengurusan sahaja.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya duit ini tidak digunakan untuk pengurusan, duit ini hanya digunakan untuk pembangunan dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum duit ini tidak begitu banyak, oleh kerana jika dibanding dengan debt service ratio kami, nisbah debt service kami dengan negara-negara jiran ini adalah rendah sekali.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah rancangan atau tindakan Kementerian Kewangan sedia mengambil supaya kurangkan pinjaman daripada luar negeri.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, semua langkah-langkah untuk berbuat demikian telah

diumumkan dalam Ucapan Belanjawan Tahunan pada 22-10-1982 ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Soalan saya jikalau bukan untuk pengurusan ini, untuk pembangunan jangka panjang atau jangka pendek?

Datuk Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, projek pembangunan adalah untuk kebaikan negara kita, untuk membangunkan negara kita dan tidak boleh dipasti antara satu projek dengan projek yang lain, jangka pendek atau jangka panjang, ada sedikit projek yang panjang dan ada sedikit projek yang pendek. (*Ketawa*)

LOTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT— MENGHENTIKAN

12. Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Kebajikan Am menyatakan apakah Kerajaan bercadang hendak menghentikan perjudian Loteri Kebajikan Masyarakat dan jika ya, bilakah masanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang Dipertua, saya suka memaklumkan bahawa jawapan mengenai soalan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 4-11-1982. Saya tidak bercadang menambahkan apa-apa lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 1 mengikut Peraturan Mesyuarat 24 (2).

Timbalan Yang Dipertua: Boleh.

**RTM—RANCANGAN
“TAMADUN ISLAM”**

1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang memperkenalkan satu rancangan baru yang dinamakan “Tamadun Islam” di RTM sebagai langkah mendekati Islam dengan semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu saya suka menyatakan walaupun RTM belum menyiarkan rancangan khusus yang bertajuk “Tamadun Islam”, tetapi unsur-unsur tamadun Islam telah banyak disiarkan dalam rancangan-rancangan lain, sama ada dalam rancangan-rancangan penerbitan RTM sendiri atau rancangan-rancangan yang kita bawa masuk daripada luar negeri, misalnya rancangan-rancangan khas Bulan Ramadhan seperti riwayat Nabi-nabi dan dalam siri 30 rancangan “Ramadhan di seluruh Dunia” mengandungi unsur-unsur tamadun Islam secara langsung. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu akan kita ambil perhatian dan akan dikaji oleh pihak Kementerian saya.

(Jawapan No. 10 adalah diberi di bawah ini)

PADANG RAGUT

10. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah luas padang ragut di seluruh Malaysia dan di mana dan adakah cadangan untuk ditambah. Jika ya, adakah kawasan-kawasan itu akan dikawal dengan rapi.

Dato' Chin Hon Ngian: Di seluruh Malaysia ada sebanyak 557 kawasan padang ragut yang berkeluasan 37,912 hektar. Kawasan-kawasan ini adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>	<i>Keluasan (hektar)</i>
Pahang	203	13,133
Kelantan	59	6,002
Perak	92	4,567
Johor	30	4,305
Terengganu ..	66	4,099
Negeri Sembilan	67	3,110
Kedah	29	2,110
Selangor	9	506
Melaka	1	40
Perlis	1	40
	557	37,912

Jabatan Haiwan ada cadangan untuk meluaskan kawasan-kawasan ini dan kawasan tersebut akan dikawal dengan rapi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk mencerminkan masyarakat kita yang berbilang budaya, bangsa dan keturunan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperkenalkan rancangan tamadun Cina dan tamadun India mendedahkan masyarakat kita kepada semua unsur-unsur, semua kebudayaan-kebudayaan yang ada di negara kita, termasuk mengadakan unsur-unsur tamadun Cina dan India dalam program-program yang ada sekarang.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, soalan itu adalah soalan lain tetapi agama rasmi yang kita mengamalkan di negara ini ialah agama Islam.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Oleh kerana siaran tamadun Islam ini ataupun hal-hal

berkenaan dengan sejarah Islam ini ditayang hanya ketika-ketika sahaja, iaitu Bulan Puasa dan juga keadaan-keadaan yang tertentu sahaja, apakah pihak RTM menjadikan siaran sejarah Islam ini dan juga sejarah Nabi-nabi ini diadakan sebagai satu program tetap di TV supaya dapat orang-orang yang hendak mengikuti perjuangan Nabi itu mengikut perjuangan yang sebenar-benar dibuat oleh Nabi, tidak diselewengkan.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, memanglah ada di dalam rancangan Kementerian ini untuk memasukkan rancangan-rancangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ke dalam rancangan kita tetapi rancangan itu kita sedang berusaha untuk menyusun satu rangka rancangan bagi dasar kita yang kita tetapkan dalam tahun 1985, rancangan yang kita maksudkan untuk 60% keluaran yang kita hendak keluarkan di masa akan datang.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Diputuskan,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Kelima belas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 61 (Jadual)—

Maksud P. 61 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyambung ucapan. Yang Berhormat ada selama 10 minit lagi.

3.35 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam sambungan B. 61, iaitu Bahagian Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Kelmarin saya telah menyebutkan bahawa khidmat nasihat ini patut dilanjutkan ke sekolah-sekolah dan juga kepada kesatuan belia supaya mereka ini mendapat penerangan yang sejelas-jelasnya berkenaan dengan khidmat ini dan boleh merupakan satu bimbingan kepada mereka.

Saya suka hendak menyebut juga Program (3) Perkhidmatan Pembangunan Sosial. Kita tahu bahawa program perkhidmatan sosial ini tujuannya adalah untuk merancang dan melaksanakan perkhidmatan perkembangan sosial kepada masyarakat sebagai satu usaha mencegah dan menghadapi masalah ekonomi, sosial dan moral melalui aktiviti yang menggalakkan penglibatan masyarakat, menyelaraskan khidmat badan-badan sukarela dan kelab-kelab perkhidmatan dan aktiviti yang menumpukan kepada perkembangan sosial dan ekonomi dan strateginya adalah perkhidmatan perkembangan sosial yang akan memberi program-program penggalakan dan keupayaan secara individu dan kelompok individu ke satu tahap yang lebih baik di dalam segi fizikal dan juga moral. Daripada tujuan dan strategi ini kita dapatlah bahawa peruntukan ini adalah amat sedikit kalau kita bandingkan dengan program yang diberi sebegitu besar yang akan dijalankan oleh Kementerian ini kerana peruntukan yang diberi sebanyak \$2 juta kurang \$1.1 juta berbanding dengan tahun 1982 sebanyak \$3.1 juta.

Di dalam khidmat ini ia telah menyebut bahawa urusan kemajuan iktisad, urusan penggalakan, dan penglibatan masyarakat, juga urusan pertubuhan sukarela dan juga urusan yayasan kebajikan negara. Jadi perkhidmatan perkembangan dan pembangunan sosial ini adalah baik dan inilah satu-satunya program Kerajaan untuk membaiki kehidupan rakyat. Dengan kata-kata lain, untuk

menghapus atau mengurangkan kemiskinan dari segi matlamat Dasar Ekonomi Baru kita tetapi selama ini mungkin tumpuan atau fokus program ini di bawah Kementerian ini secara menyeluruh dan secara kemungkinan ditumpukan di bandar-bandar dan masyarakat yang hidup merata-rata tempat. Walaupun program ini mencapai kejayaan tetapi kejayaan tidak dapat dilihat dengan mata dengan jelas kerana kemajuan masyarakat keseluruhannya tidak akan dapat dilihat dengan mata kasar sebagaimana yang selalu didakwa oleh DAP yang mahu lihat kejayaan masyarakat itu yang ditinjau dari segi jauh ataupun dari segi luar sahaja tetapi kejayaan pembangunan sosial ini dapat diketahui dengan mendampingi, jika perlu berada dalam kumpulan itu buat beberapa ketika. Kesusahan dan kesenangan petani akan dapat dirasai oleh petani itu sendiri atau orang terlibat dengan petani, begitu juga kesusahan dan kesenangan nelayan akan dapat dirasai oleh nelayan itu sendiri atau orang terlibat dengan nelayan.

Saya suka mencadangkan dan meminta kerjasama Kementerian ini supaya melanjutkan program Perkhidmatan Perkembangan Sosial ini kepada masyarakat nelayan yang khusus dengan cara pembangunan yang bersepadu, dengan program Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di kawasan-kawasan nelayan. Di dalam program Pembangunan Kawasan Nelayan ini dengan menumpukan yang lebih kepada "target group" kita, iaitu masyarakat miskin sebagaimana yang kita ketahui sekarang ini kerana kita tahu bahawa masyarakat nelayan adalah masyarakat yang paling miskin dan mundur, cuma pihak tertentu sahaja pandai berkata itu miskin, itu mundur tetapi pihak Kerajaan sedar bahawa kemiskinan kaum nelayan inilah patut diambil berat dan diambil perhatian, sebab itu wujudnya sebagaimana yang ada sekarang

Lembaga Kemajuan Ikan yang akan bertanggungjawab dengan perkembangan dan pembangunan sosial kaum nelayan tetapi program yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan adalah berlainan dengan kemajuan kebajikan am walaupun strategi ataupun matlamatnya sama, iaitu pembangunan sosial masyarakat.

Tuan Pengerusi, untuk menumpukan kegiatan program Pembangunan Sosial ini ke masyarakat nelayan dan lebih khusus dapat ditumpukan, saya memohon Kementerian ini bersama-sama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia menumpukan kegiatan ke pembangunan kawasan nelayan supaya Pembangunan Sosial dapat dijalankan dengan secara bersepadu yang dapat kita wujudkan. Dengan strategi baru dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan merupakan satu cara pelaksanaan pembangunan bersepadu melalui konsep pembangunan kawasan nelayan yang semua kepentingan-kepentingan nelayan dapat dikenalpastikan supaya nelayan yang miskin itu dapat dibantu bagi meningkatkan keupayaan dan juga kemahiran mereka kerana dalam pembangunan kawasan nelayan ini merupakan satu program pembangunan bersepadu yang memberi tekanan kepada menumpukan usaha ke atas sekumpulan nelayan sebagai target group di satu tempat atau lokasi tertentu dan juga menyatu-padukan segala perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh berbagai-bagai agensi Kerajaan.

Di sini termasuklah peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun Kementerian ini dalam pembangunan kawasan tersebut dan juga mengamalkan satu cara pelaksanaan, a total approach, dengan izin, yang mengambil kira kedua-dua faktor, iaitu sosial dan

faktor ekonomi dalam pembangunan masyarakat nelayan. Jadi jentera dalam struktur perlaksanaan konsep pembangunan kawasan nelayan itu ialah yang kita namakan Pusat Pembangunan Nelayan yang akan ditadbirkan oleh satu jawatankuasa dengan ahli-ahlinya terdiri dari kaum nelayan dan agensi-agensi Jabatan Kerajaan. Di sinilah pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah atau Kawasan akan menjadi ahli untuk menyelaraskan program Perkembangan Sosial kaum nelayan.

Kita tahu masalah kemiskinan nelayan timbul ketika nelayan ini tidak dapat ke laut atau musim tengkujuh atau musim bulan terang, atau masalahnya timbul ketika mereka ini ditimpa kemalangan atau ketika mereka ini mendapat sakit tidak dapat ke laut dan juga ada ketika di dalam masyarakat mereka iaitu pada permulaan sekolah dibuka ataupun penggal persekolahan menyebabkan buku, pakaian dan lain-lain keperluan anak tidak dapat ditampungi oleh kaum nelayan yang miskin itu. Walaupun dalam masalah ekonomi Lembaga Kemajuan Ikan mempunyai program pendapatan sampingan semasa nelayan tidak dapat ke laut dengan mengadakan kegiatan ekonomi yang lain seperti Ternakan Ikan Dalam Sangkar dan juga bercucuk-tanam dan juga perusahaan-perusahaan kecil dan lain-lain yang dijalankan oleh nelayan dan juga kaum keluarganya tetapi saluran bantuan terus ketika kesempatan itu hendaklah datangnya daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Di samping itu, kebajikan ini sama-sama kita membentuk sikap kaum nelayan ke arah meningkatkan kemajuan ikhtisad mereka ke arah penglibatan yang menitikberatkan perkembangan sosial, ekonomi, moral kaum nelayan itu dan juga menyuburkan serta meneguhkan persatuan nelayan yang ada dalam

kawasan tersebut supaya dapat sama-sama mewujudkan atau mencapai matlamatnya. Pertolongan daripada agensi Kebajikan Masyarakat ini amat perlu. Segala masalah sosial akan dapat diatasi kerana Pembangunan Kawasan Nelayan akan mencapai kejayaan yang lebih dengan penglibatan Kementerian ini dalam program Perkhidmatan Pembangunan Sosial yang ditumpukan khusus kepada masyarakat nelayan.

Memang dalam perancangan Lembaga Kemajuan Ikan telah memasukkan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan tanggungjawab yang berat ini kerana pembangunan sosial satu-satu masyarakat itu adalah lebih berat dan lebih rumit daripada pembangunan satu-satu kawasan untuk membina menara yang bertingkat-tingkat bagi menentu dan melihatkan kejayaannya. Sebab itulah kerjasamanya dalam segi bersepadu dari agensi Kerajaan akan dapat disertai. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Butiran 1100, Program (2) mengenai Perkhidmatan Dadah.

Tuan Pengerusi, dua minggu lalu pada 17hb November, 1982 saya telah memanggil satu sidang akhbar untuk menceritakan kesengsaraan yang dialami oleh Chow Yue Kum berumur 27 tahun dari Melaka, seorang inmate di Pusat Pemulihan Dadah Kuala Kubu Baharu, yang telah cabut lari dari Pusat tersebut kerana takut akan kehilangan nyawanya. Chow telah lari dari Pusat Pemulihan Dadah KKB pada 15hb November bukan kerana beliau takut pada pegawai-pegawai Pusat tersebut tetapi kerana beliau takut dengan "pemerintahan

keganasan" yang dilakukan oleh inmates dadah di situ yang telah menubuhkan 'Kerajaan dalam Kerajaan'.

Apa yang diceritakan oleh Chow tentang "pemerintahan keganasan" yang dilakukan oleh "Kerajaan-kerajaan" bawah tanah para inmates di Pusat tersebut bukanlah satu cerita baru walaupun inilah kali pertama seorang telah menceritakan secara awam tentang perkara tersebut. Di Pusat Pemulihan Dadah KKB itu, inmates di situ diperintah oleh tiga "kerajaan" haram yang dinamakan "UMNO" bagi inmates Melayu, 'MCA' bagi inmates China dan "MIC" bagi inmates India yang dinamakan oleh mereka sendiri.

Ketiga-tiga pihak berkuasa yang haram ini telah mengenakan kemahuan mereka ke atas inmates baru dengan cara paksaan, kekerasan fizikal dan kekejaman dan saya difahamkan dalam beberapa ketika ia menyebabkan kematian.

Akhbar *The New Straits Times* dalam salah satu siri "Times Probe" pada 23hb Mei, 1981 telah menceritakan cara dengan mana ketiga-tiga Kerajaan yang menggelarkan dirinya sebagai "UMNO", "MCA", dan "MIC" telah menakutkan inmates lain sehingga mereka menunduk dan menyerahkan kepada ketiga-tiga Kerajaan tersebut. Apabila saya membincangkan masalah yang dihadapi oleh Chow kepada Menteri Kebajikan AM, Menteri berkenaan telah menunjukkan bahawa beliau tahu tentang wujudnya ketiga-tiga Kerajaan "UMNO", "MCA" dan "MIC" yang haram itu di Pusat KKB.

Ketiga-tiga Kerajaan bawah tanah ini mempunyai 8 Rukun sendiri dan sekiranya para inmates tidak mematuhi Rukun-rukun tersebut, berbagai degree deraan yang melibatkan kekerasan fizikal

dikenakan. Salah satu daripada 8 Rukun ini yang maha penting yang dikenakan ke atas inmates ialah "Jangan Hantu" - iaitu mereka tidak boleh pergi ke pejabat atau bercakap dengan pegawai-pegawai seorang diri; malah mereka tidak juga boleh pergi untuk mendapatkan ubat dengan sendiri.

Inmates baru didera dengan begitu teruk pada hari pertama mereka masuk ke dalam Pusat tersebut supaya melemahkan penentangan mereka dan kekerasan fizikal dikenakan oleh "Seniors" dan "Taikos" ke atas inmates rendah yang tidak sanggup menerima kekuasaan "kerajaan-kerajaan" haram tersebut. "Seniors" itu juga membuktikan kepada inmates baru tersebut di hadapan pegawai-pegawai Pusat yang pegawai-pegawai Pusat tersebut tidak mempunyai sebarang kawalan atau authority ke atas apa yang dilakukan oleh "Seniors" tersebut.

Deraan-deraan tersebut meliputi berbagai-bagai jenis termasuk layanan "starlight" di mana beberapa orang bergilir-gilir mendera mangsa mereka dengan memukul dahinya dengan "a hard flick of middle finger" dan dalam kes Chow pula, beliau diberi layanan tersebut sehingga dahinya bengkok 10 inci. Ketiga-tiga Kerajaan haram tersebut juga mempunyai sistem mahkamah sendiri seperti "Mahkamah Tinggi" di mana situduh itu dipukul dengan teruknya tanpa belas kasihan oleh "Seniors" dan "Taikos" tiga kumpulan tersebut iaitu "UNMO", 'MCA' dan "MIC".

Disebabkan Chow terdengar pada pagi 15hb November yang beliau akan dihadapkan ke "Mahkamah Tinggi" kepunyaan ketiga-tiga Kerajaan haram itu, maka beliau telah melarikan diri daripada Pusat tersebut pada malam itu juga kerana takut akan kehilangan nyawanya. Seminggu selepas itu, pada 24hb November,

1982, saya telah memanggil satu sidang akhbar kedua di mana seorang inmate yang lain, S. Rajah, 26 tahun dari Kuala Lumpur menceritakan bagaimana beliau dipukul secara fizikal untuk beberapa hari oleh "Seniors kerajaan MIC" di Pusat tersebut sehingga beliau bersetuju pergi ke Kuala Lumpur secara suatu "commando mission" untuk mendapatkan heroin, ganja dan rokok untuk "Seniors" tersebut.

Rajah yang dihantar ke Pusat tersebut untuk selama 6 bulan oleh Mahkamah ditendang oleh "Seniors MIC" pada hari ia menjejak KKB pada 23hb Ogos, 1982 apabila ia tidak dapat menghabiskan nasi yang dilonggokkan dalam pingganinya oleh para 'Seniors' dan beliau disuruh melompat dengan berteriak "Terima Kasih Aishah Ghani" dan kemudian dipaksa lari sekeliling padang.

Apabila ia dicukur botak pada hari esoknya, beliau ditanya oleh seorang "Senior MIC" sama ada ia mempunyai "duit" untuk membayar "cukuran" tersebut dan apabila Rajah menjawab tidak, beliau diberitahu bahawa beliau harus mengambil "lesen" untuk cukur, dan beliau diberi layanan "starlight" sebanyak 15 kali oleh tiga orang "Seniors MIC".

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, minta penjelasan MIC, UMNO, MCA, tidak ada kaitan dengan hal ini. Sebut bangsa senang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat mahu beri penjelasan atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan jelaskan, ini Kerajaan yang gelarkan dirinya di dalam, bahawa mereka Kerajaan UMNO, MIC, MCA dan bukan ada bersangkutan paut dengan UMNO, MCA dan MIC di luar. Ini nama yang digunakan dan oleh kerana itu satu kenyataan kita gunakan. Saya ada sebut yang digelar, digunakan

oleh sendiri dan ini tidak bersangkut paut dengan MIC, MCA dan UMNO. Itu satu kenyataan in inverted commas. Tetapi saya tidak boleh cakap tiap-tiap kali MIC, inverted commas; MCA, inverted commas; UMNO, inverted commas.

Pada 19hb September, Rajah disuruh oleh seorang senior 'MIC' supaya bekerja di dapur dan apabila Rajah berkata ia kena tanya pegawai Pusat tersebut, beliau diberitahu bahawa itu adalah tidak perlu kerana itulah yang senior 'MIC' mahu melakukannya. Di dapur, Rajah dikehendaki menyediakan makanan yang istimewa untuk para senior-senior dan di samping itu pula terpaksa melayani senior-senior tersebut dengan memberikan mereka teh, dan nescafe tambahan dan lain-lain dan kiranya ia enggan berbuat demikian ataupun mempunyai kerja yang lain beliau diberi amaran.

Pada satu malam, salah seorang dari senior itu membawa Rajah ke Bilik rekreasi di mana Rajah ternampak sebuah 'syringe' dan setiub heroin dan ganja, serta juga sebuah botol untuk menghisab ganja. Senior-senior kemudian menanya Rajah sama ada ia suka hisap heroin dan apabila Rajah berkata tidak kerana beliau berada di Pusat untuk dipulihkan dan bukan menjadi seorang penagih, beliau diberitahu bahawa ini adalah dipulihkan dan bukan menjadi seorang penagih, beliau diberitahu bahawa ini adalah sekali-sekala sahaja dan bukan selalu. Mereka kemudiannya ugut Rajah memaksakannya menarik dua sedut (dreg) ganja. Jelaslah, senior-senior tersebut mahu mengkompromisekan Rajah. Mereka memaksa Rajah menghisap ganja bagi kali kedua dan baru pada September 25hb mereka memberitahu Rajah bahawa mereka mahu Rajah pergi ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan dadah bagi mereka. Apabila Rajah berkata

bahawa ia akan menghadapi risiko, senior "MIC" beritahunya bahawa tidak ada apa-apa risiko kerana mereka akan "cover up" untuk beliau sehingga ia pulang dari Kuala Lumpur. Apabila ia enggan berbuat demikian, Rajah ditumbuk di bahagian dadanya pada malam itu juga oleh senior tersebut dan seorang senior yang lain pula memukulnya di bahagian kakinya dengan sebatang kayu yang sampai hari ini masih bengkok walaupun dua bulan telah lalu.

Untuk beberapa kemudiannya, senior 'MIC' sengaja cari pasal dengannya dan terus memukul Rajah di bahagian dada setiap dua dan tiga jam. Rajah diberitahu bahawa ia bolehlah menjadi seorang bebas dalam Pusat tersebut kiranya ia bersetuju pergi ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan dadah untuk mereka. Pemukulan ini telah berterusan sehingga 1hb Oktober, apabila senior-senior 'MIC' memberikannya kata-dua iaitu kalau ia masih enggan, ia akan dipukul pada hari keesokkannya dan campak ke luar pagar dan kemudian melaporakan kepada pegawai-pegawai Pusat bahawa Rajah telah melarikan diri dan kemudian ia akan dihadapkan ke mahkamah kerana lari dari Pusat tersebut. Selepas pemukulan lanjut, Rajah tidak dapat tahan dan bersetuju membuat apa yang dikehendaki. Pada hari keesokkannya, lebih kurang pada pukul 4.30 petang, seorang senior 'MIC' telah menemani Rajah untuk cabut lari dari Pusat tersebut dengan merangkak melalui pagar di belakang pusat tersebut, kemudian, membawa Rajah melalui sebatang jalan estet dan selepas berjalan sejauh 1½ batu, mereka menunggu untuk bas dan kemudian Rajah dihantar ke Kuala Lumpur dengan bas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah perlu beri begitu banyak butir-butir atas kes ini?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya rasa itu sangat mustahak, peristiwa yang berlaku diperuntukkan untuk Pusat Dadah dan apa yang sebenarnya berlaku kita mesti tahu, kita tidak mahu jadi satu Centre yang ada 'horrors'.

Tuan Pengerusi: Memang betul tetapi ada perlukah memberi begitu banyak detail berapa jam naik bas dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu menunjukkan kenyataan, tidak fiction. It is a fact. Tetapi saya sudah habiskan peristiwa kes ini. Rajah pulang sebaliknya ke rumahnya pula dan selepas berbincang dengan ibunya, memutus untuk tidak kembali ke Pusat tersebut.

Kesemua ini adalah "eye-witness accounts" mengenai pemerintahan keganasan yang berlaku di Pusat Pemulihan Dadah KKB di mana wujudnya ketiadaan "law and authority" di Pusat tersebut. Kita hantar penagih-penagih dadah ke Pusat Pemulihan Dadah KKB untuk dirawati daripada penagihan dadah supaya mereka dapat hidup dengan bermakna dan bukan untuk menyerahkan mereka kepada "pemerintahan keganasan" gangster-gangster "UMNO", "MCA" dan "MIC" yang haram itu yang terdapat dalam pusat tersebut supaya mereka boleh dilatih menjadi penjenayah yang "hardened".

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit. Selain daripada UMNO, MCA, MIC adakah budak-budak yang duduk di situ terlupa untuk menubuhkan Kerajaan Haram DAP?

Tuan Lim Kit Siang: Itu tanya Menteri Kebajikan. Yang saya tahu tidaklah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tetapi dalam rekod tiada.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi ini dalam inverted commas. Saya bersetuju dan apa yang mereka menggelarkan diri dan saya sebutkan di sini supaya kita tahu apa yang berlaku di sana bukan dengan erti untuk mencemarkan nama MCA, MIC, UMNO di luar. Tetapi dalam DAP tidak ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada banyak butir-butir lagi. Ini menjadi satu television drama series.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau itu television drama series tidak apa tetapi itu life series. Tetapi saya sudah habiskan cerita-cerita individu. Mereka yang tidak mahu menyerah diri kepada "pemerintahan keganasan" yang dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan Haram berkenaan yang wujud dalam Pusat tersebut terpaksa cabut lari.

Saya difahamkan sebilangan besar inmates yang lari dari Pusat Pemulihan Dadah KKB berbuat demikian bukan kerana mereka lari dari pihak berkuasa yang sah tetapi dari pihak-kuasa yang tidak sah. Berapa ramaikah inmates yang telah cuba lari dan berapa ramaikah yang benar-benar telah lari dari Pusat tersebut? Apakah pegawai-pegawai Pusat tersebut dan Kementerian sedar akan inmates yang cabut lari bukan dari pihak berkuasa Pusat tersebut tetapi dari pihak-pihak berkuasa yang tidak sah yang nampaknya telah mengambil alih kuasa daripada pegawai-pegawai Pusat tersebut

Kita tidak berminat lagi dengan kenyataan-kenyataan atau jawapan-jawapan yang "wishy-washy" dari Kementerian atau Pusat yang mengatakan bahawa Kementerian atau Pusat tersebut akan siasat ke dalam aduan-aduan yang dibuat kerana Kementerian dan Pusat tersebut telah menunjukkan bahawa mereka tidak berupaya menghadapi masalah berat ini di mana Pusat

Pemulihan Dadah KKB menjadi sarang kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang haram itu.

Penagihan dadah adalah satu masalah utama di Malaysia yang boleh meruntuhkan akhlak atau "moral fibre and sense of purpose" negara kita dan boleh membawa ke arah pemusnahan negara. Kita hendaklah menghadapi masalah dadah ini dengan rasa keseriusan dan tujuan yang lebih daripada apa yang ditunjukkan oleh pihak Kementerian Kebajikan Am.

Adalah jelas sebelum pegawai-pegawai di Pusat tersebut boleh memulihkan penagih-penagih dadah, pegawai-pegawai tersebut hendaklah dipulih terlebih dahulu supaya memiliki sikap dan komitmen yang betul untuk memulihkan penagih-penagih dadah.

Masalah yang dihadapi di Pusat Pemulihan Dadah di KKB dan juga di pusat-pusat lain seperti di Tampoi, Bukit Mertajam dan Kuala Besut telah menjadi terlalu besar untuk Kementerian Kebajikan Am menghadapinya. Saya bercadang supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan bersetuju supaya sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen ditubuhkan untuk menyiasat dan membuat perakuan-perakuan tentang pemulihan di negara ini, serta juga membongkarkan secara menyeluruh pemerintahan kongsi gelap yang menggelarkan dirinya sebagai Kerajaan "UMNO", "MCA" dan "MIC" di Pusat Pemulihan Dadah KKB. Jawatankuasa Pilihan Parlimen hendaklah juga menimbang sama ada dan bagaimana pegawai-pegawai pusat dadah boleh dipulihkan terlebih dahulu sebelum mereka cuba memulihkan penagih-penagih dadah. Masalah ini adalah satu masalah sosial yang harus dilayan dengan serius kerana bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie,

pernah berkata masalah dadah telah menjadi masalah nombor satu dengan mengatasi masalah komunisma.

Maka dengan sebab itu, marilah kita memberikan masalah dadah ini layanan dan perhatian utama dan kami dalam DAP sedia memberi apa jua bantuan yang perlu supaya memastikan pemuda pemudi kita tidak dimusnahkan oleh dadah dan dengan itu, negara kita pula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Silam.

4.00 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Pengerusi, saya di sini mengambil kesempatan untuk membahaskan peruntukan Kementerian Kebajikan Am. Perkara yang saya bangkitkan di sini ialah berkenaan Butiran 1100, Program (2) (a), (b) dan (c) Maksud B. 61 di muka surat 571.

Tuan Pengerusi, masalah penyalahgunaan dadah bukanlah satu perkara baru pada masyarakat kita hari ini. Berapa buah Kerajaan telah pun runtuh akibat dadah, apatah lagi kesan dan kekuatannya untuk meruntuh dan merosakkan batang tubuh manusia sendiri.

Tuan Pengerusi, saya rasa tiada sebuah Kerajaan mampu menerima perbuatan penyalahgunaan dadah. Dadah hendaklah disifatkan sebagai musuh mengancam, merosak serta memesongkan manusia daripada tujuan dan landasan hidupnya. Dengan ini, Kerajaan haruslah memandang masalah dadah ini sebagai masalah yang universal. Kerajaan kita haruslah menganggap penyalahgunaan dadah sebagai musuh utama negara. Bahayanya hendaklah dianggap lebih bahaya daripada senjata api dan lebih bahaya daripada ancaman komunis. Dadah boleh memudaratkan kehidupan dan masa depan manusia dari tujuan hidupnya. Akibat yang

buruk ini akan merencatkan pertumbuhan dan kemajuan jenerasi kita akan datang.

Tuan Pengerusi, bahaya dadah ini tidak ubah umpama karat yang memakan besi dan saya berpendapat ia adalah merupakan masalah dan keselamatan negara. Dan saya berharap tumpuan Kerajaan kita haruslah diberi kepada usaha dan cara bagaimana bahaya dadah boleh diperangi. Seseorang penagih dadah yang sudah mencapai ke taraf kes "euphoria" tidak akan takut ataupun rasa sakit untuk menghiris-hiris kulit atau menyuntik dadah ke dalam badannya semata-mata untuk mendapatkan kepuasan yang maksima.

Tuan Pengerusi, dari sudut umum pula seorang penagih dadah adalah dianggarkan membelanjakan lebih kurang \$2,500 setahun. Jika dihitung perbelanjaan ini bagi semua penagih-penagih dadah maka bagi 400,000 orang penagih dadah yang didapati di negara kita ini maka perbelanjaan yang terlibat ini adalah sebanyak lebih kurang \$1 billion setahun.

Tuan Pengerusi, penglibatan dan perbuatan anak-anak muda suka merokok adalah punca utama di samping faktor-faktor yang lain mendorong anak-anak muda kita menyalahgunakan dadah. Rokok menjadi ketagih oleh kerana kandungan candu yang terdapat dalam rokok dan memberikan kepuasan kepada perokok. Apabila seorang perokok mula ketagih, dia biasanya akan mencari kepuasan yang lain yang lebih maksima. Akibat ini anak-anak muda kita akan berlumba-lumba mendapatkan kepuasan tersebut tanpa mengira dan mengetahui apa-apa atau sengaja tidak memperdulikan kesan dan bahayanya perbuatan sedemikian. Heroin, morphine, candu, ganja serta beberapa jenis dadah yang diperbuat berbentuk pil telah dibuktikan sebagai merbahaya kepada kesihatan manusia.

Dengan ini, saya menyeru Kerajaan kita supaya dadah-dadah ini tidak diburu lagi oleh kebanyakan jenerasi muda kita hari ini. Kebanyakan daripada mereka ini terjerumus ke lembah dadah, antara lain, ialah kurang didikan dan penyemaian unsur-unsur agama di kalangan anak-anak. Kepincangan rumah tangga yang menyebabkan anak-anak hidup terbiar tanpa mendapat perhatian ataupun kasih sayang. Sikap ibubapa yang tiada mengambil berat terhadap anak-anak mereka, perasaan anak-anak yang ingin mengetahui hidup bebas, kemiskinan dan penderitaan hidup yang melibatkan remaja dalam pulau criminal dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, apa yang membimbangkan saya ialah bahawa kadar peningkatan perbuatan penyalahgunaan dadah nampaknya semakin serius dan berleluasa dari masa ke semasa. Hari ini sahaja adalah dianggarkan terdapat lebih kurang daripada 400,000 orang penagih dadah di negara kita ini dan tidak mustahil jumlah ini akan mencapai ke angka setengah juta orang, jika tidak Kerajaan kita mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Kadar pertambahan jumlah penagih dadah setiap tahun amatlah besar iaitu 35% peningkatannya. Perkara ini haruslah dipandang serius oleh semua pihak terutama sekali Kementerian yang dipertanggungjawabkan.

Di sini saya memohon agar pihak yang terlibat supaya memberikan kerjasama yang sepenuhnya untuk memerangi bahaya dadah. Sikap tidak mahu bekerjasama dan tidak mahu menghiraukan masalah bahaya dadah ini hanya kira-kira lebih kurang 14,000 orang sahaja orang-orang terlibat dengan dadah yang dapat diberkas dan sedang menjalani proses pemulihan di penjara sedangkan ramai lagi yang bebas dan berkeliaran dalam masyarakat kita pada hari ini. Tambah

menjadikan, Tuan Pengerusi, dari mangsa penyalahgunaan dadah tersebut adalah terdiri daripada belia-belia malah terdapat juga di kalangan mereka yang terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah dan kakitangan awam yang seharusnya tidak melakukan sedemikian. Adalah ditaksirkan bahawa kadar peningkatan perbuatan salah guna dadah di kalangan orang-orang yang berpendapatan tetap telah meningkat. Mereka ini adalah harapan model kepada kemajuan dan pembangunan negara. Mereka semuanya adalah harapan negara untuk mewarisi dan mencerahkan masa depan negara. Sebaliknya pula dengan menjadikan diri mereka ini sebagai penagih dadah, mereka bukan sahaja telah merosakkan diri dan masa depan mereka tetapi juga telah merosak, mengancam, membeban dan menganiaya bangsa dan negara mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, saya bukan mengatakan di sini bahawa Kerajaan kita bertindak, membenteras dan memerangi dadah. Sudah tentu Kerajaan kita tidak dapat menerima dan membiarkan perbuatan penyalahgunaan dadah berleluasa di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, di sini saya sukalah menggesa jentera-jentera Kerajaan seperti PEMADAM Jawatankuasa Kabinet Anti-Dadah, Bahagian Anti Dadah Jabatan Polis dan Kastam dan sebagainya hendaklah melipatgandakan jentera mereka memerangi dadah supaya gejala masyarakat ini dapat dikawal dan dibenteraskan.

Tuan Pengerusi, sejak tahun 1970 hingga Ogos, 1981 Kerajaan telah berjaya merampas lebih kurang 12,168 kilogram candu mentah, 531 kilogram morphine dan 511 kilogram heroin. Namun demikian, tidaklah bermakna kajian sepenuhnya telah dicapai dalam usaha untuk membenteraskan

perbuatan penyalahgunaan dadah di negara kita ini. Sebenarnya banyak lagi kes dan orang-orang yang terlibat dengan dadah yang tidak dapat dikesan oleh pihak yang berkuasa.

Di sini saya ingin menggesa lagi supaya pihak berkuasa Kerajaan berusaha meluaskan lagi khidmat-khidmat memberi penerangan melalui ceramah media-massa, pamiran-pamiran dan bimbingan nasihat dan sebagainya. Usaha memerangi perbuatan penyalahgunaan dadah tidaklah seharusnya berjalan secara berasingan dengan erti kata terletak kepada tanggungjawab sesebuah persatuan ataupun Jabatan. Sebaliknya kerjasama yang menyeluruh dan berpadu adalah perlu di dalam menghasilkan kejayaan yang lebih besar baik Kerajaan ataupun masyarakat. Masalah dadah haruslah dipandang sebagai masalah bersama dan usaha-usaha ke arah memeranginya hendaklah menjadi tanggungjawab semua. Selain dari itu kawalan sosial masyarakat kita hendaklah diperkemas dan perkukuhkan lagi. Menjamin tiada bakal-bakal penagih dadah yang akan hidup di negara kita ini. Di kalangan ibubapa pula perhatian yang berat sepenuhnya hendaklah diberikan kepada anak-anak mereka supaya tidak melibatkan diri dengan dadah. Perhubungan kekeluargaan juga haruslah diperteguhkan, didikan agama yang sempurna dan mendalam hendaklah dipupuk di jiwa kanak-kanak sejak kecil lagi menjadikannya sebagai benteng dalam menentang gejala-gejala hidup di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, dengan persediaan-persediaan ini sahajalah yang mungkin dapat menyelamatkan jenerasi muda hari ini dari kancas kesusahan dan keruntuhan. Jenerasi muda hari ini adalah bakal menggantikan tempat pemimpin negara, pemimpin masyarakat dan setidak-tidaknya pemimpin keluarga di masa akan

datang di mana mereka ini akan mencorakkan nasib dan masa depan nusa dan bangsa. Seandainya rosak jenerasi muda hari ini, bererti negara sedang menuju ke jalan kehancurannya dengan mempunyai rakyat yang tidak bertanggungjawab.

Akhirnya, sekali lagi saya menyeru Kerajaan supaya melipatgandakan usaha membenteras dan memerangi dadah yang bahaya ini. Dengan ini, saya menyokong peruntukan Kementerian Kebajikan Am.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.10 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Anggaran Belanjawan Kementerian Kebajikan Am, 1983 dan sebanyak \$52,680,200 bagi Maksud B. 61 dan P. 61.

Tuan Pengerusi, pada umumnya perkhidmatan Kementerian Kebajikan Am ini bolehlah dikatakan memuaskan, kerana ramai dari kalangan rakyat, terutama mereka yang daif telah dapat perhatian daripada Kementerian ini dan ramai pula kanak-kanak yang telah rosak akhlaknya telah diberi seliaan yang berpatutan untuk membimbing mereka ke arah kehidupan yang lebih bermaruah dan ramai pula mereka yang telah terlibat dengan dadah telah diusahakan untuk membolehkan mereka hidup sebagai anggota masyarakat yang sempurna. Ramai pula orang-orang tua yang telah dapat dikurangkan kerunsingan hidup mereka, terutama mereka yang tidak mempunyai waris dan sebagainya. Tetapi, sayang sekali, Tuan Pengerusi, peruntukan Kementerian ini telah dikurangkan begitu banyak. Misalnya, dalam Perbelanjaan Mengurus 1982 sebanyak \$49,086,900 tetapi dalam

tahun 1983 hanya \$42,880,200. Ini bermakna kekurangan sebanyak \$6,201,700.

Begitu juga dalam bahagian Pembangunan jika dibandingkan tahun 1982 sebanyak \$15,918,210 tetapi pada tahun 1983 hanya \$9,000,800 sahaja dan kekurangan sebanyak \$6,118,210. Jika dicampurkan jumlah Pembangunan dan Pengurusan dibandingkan di antara tahun 1982 dengan 1983 terdapat kekurangan sebanyak \$12,324,910. Jadi saya berharaplah dengan kekurangan ini tidak akan menjejaskan semangat dedikasi pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian ini. Namun demikian, saya bimbang prestasi kemajuan Kementerian ini akan terjejas dengan pemotongan yang banyak itu jika dibandingkan di antara tahun 1982 dengan 1983.

Tuan Pengerusi, satu masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak yang telah rosak akhlak dan juga mereka yang telah dipulihkan sebagai penagih-penagih dadah ini ialah tentang pandangan dan sikap setengah-setengah anggota masyarakat kita telah menganggapkan seolah-olah mereka berpegang kepada satu pepatah yang mengatakan kalau anjing itu sudah biasa makan tahi kalau tidak makan dia hidu juga. Jadi, sikap pandangan masyarakat yang seperti ini amatlah dikesalkan kerana jika sekiranya anak-anak yang telah rosak akhlak ini sudah dapat dipulihkan dan dibimbing menjadi manusia yang berguna dan begitu juga ada di antara penagih-penagih dadah ini yang telah dapat dipulihkan menjadi manusia yang boleh hidup sesuai dengan masyarakat tetapi dengan adanya sikap dan pandangan masyarakat yang negatif terhadap mereka yang sudah baik itu kadangkala menyebabkan kanak-kanak yang telah rosak akhlak, dan penagih-penagih dadah itu berbalik

kepada tabiat-tabiatnya yang asal. Ini akan mensia-siakan atau akan merugikan masa dan tenaga khidmat-nasihat serta bimbingan yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai di Kementerian ini. Oleh sebab itu, saya berharaplah supaya pegawai-pegawai di Kementerian ini akan memberi perhatian yang serius bagaimana dan cara mana supaya kita dapat membetulkan pandangan masyarakat ini. Kata pepatah yang mengatakan kalau anjing itu sudah biasa makan tahi tidak makan dihidu juga patutlah dikikis habis-habisan dan diganti dengan pepatah yang lebih baik iaitulah wangi boleh menghilangkan bau.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah suatu perkara yang mudah, sekiranya tidak dapat sokongan dan kerjasama daripada lain-lain golongan dan lapisan masyarakat di negara kita ini sama ada daripada Jabatan-jabatan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin rakyat ataupun badan-badan politik dapat turut membantu usaha-usaha yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian ini di dalam kontek untuk membetulkan sikap dan pandangan rakyat yang negatif terhadap mereka yang sudah berazam dan bertikat untuk hidup sebagai anggota masyarakat yang sempurna. Oleh sebab itu, saya berserulah kepada pegawai-pegawai di Kementerian ini supaya dapat mengadakan hubungan yang rapat dan baik dengan semua mereka yang saya sebutkan itu agar mendapatkan simpati daripada mereka supaya dapat bergerak di dalam satu barisan dan di bawah satu panji-panji untuk membawa mereka yang sudah sesat di hujung jalan balik ke pangkal jalan hidup dalam sebuah masyarakat yang aman dan bahagian.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian kepada B. 61, mukasurat

571, Butiran 1100, Program (2) Perkhidmatan Pencegahan dan Penyelidikan.

Walaupun kita telah mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dengan masyarakat, terutama masyarakat-masyarakat di luar bandar akan tetapi satu faktor yang penting yang perlu kita usahakan ialah iaitu kita mesti berusaha membentuk sikap mereka yang telah terlibat dengan kegiatan-kegiatan dan amalan-amalan buruk itu dengan panduan-panduan yang sebenarnya. Kepada orang-orang yang beragama Islam tidak ada panduan yang lebih berkesan bagi memandu membentuk manusia hidup ke arah mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat ialah dengan pendidikan ataupun ajaran agama. Dengan adanya bimbingan dan pelajaran agama kepada anak-anak atau kepada mereka yang telah terlibat dengan amalan-amalan yang tidak baik ini akan dapat menjadikan seseorang itu dapat mengawal disiplin dirinya sendiri. Manusia yang dapat mendisiplinkan dirinya sendiri adalah manusia unggul, manusia-manusia yang akan dapat menentukan arah haluan hidupnya ke arah yang sempurna dan bahagia, tetapi kalau mereka itu belum mempunyai kesedaran dalam mengawal diri atau mendisiplinkan dirinya walau bagaimana banyak sekalipun bantuan dan pertolongan yang diberikan oleh Kerajaan amatlah tipis harapan kita untuk mencapai kejayaan. Sebab itu di dalam pepatah Melayu mengatakan kita tidak boleh bersikap seperti pahat dengan pemukul, sekali diketuk sekali masuk. Jadi, oleh sebab itu, saya berharap kepada Kementerian ini supaya mengadakan satu program yang teratur dan tersusun terutama kepada orang-orang Islam sama ada di Rumah-rumah Pemulihan Dadah ataupun di Rumah Orang-orang Tua ataupun di Rumah Pemulihan akhlak Lelaki dan Perempuan hendaklah dihantar guru-guru agama supaya

dapat memberikan pelajaran dan pendidikan agama yang lebih berkesan kepada mereka ini.

Mereka yang mengamalkan pendidikan agama yang sejati, iaitu menjunjung titah perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya, ini sahajalah manusia yang sentiasa akan mendapat taufik dan hidayah atau panduan dan pimpinan daripada Yang Maha Kuasa Allah s.w.t. Oleh sebab itu, saya berharap kalau boleh satu unit guru-guru agama patutlah diadakan di bawah Kementerian ini supaya dapat diarahkan untuk memberikan dan menyampaikan pelajaran-pelajaran kepada mereka yang saya sebutkan tadi.

Kalau umpamanya di dalam sesebuah negeri itu ada tiga, empat buah rumah yang saya maksudkan itu, memadai dengan seorang Uztaz yang dapat bergilir-gilir pergi ke rumah-rumah itu untuk menyampaikan pelajaran-pelajaran agama. Ini tidak memerlukan wang yang banyak dan kita boleh dapat dengan mudahnya untuk mencari guru-guru agama yang ada di satu-satu kawasan itu.

Tuan Pengerusi, selain daripada kita memberikan pelajaran agama kepada semua rumah-rumah untuk membaiki akhlak, Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan sebagainya, satu daripada perkara yang harus diperhatikan juga iaitu apabila kita hendak mendirikan rumah-rumah untuk orang-orang tua atau rumah kebajikan bagi orang-orang tua terutama orang-orang Melayu, saya berharap kawasan yang sesuai haruslah dipilih. Umpamanya, dipilih di satu kawasan yang berhampiran dengan surau ataupun masjid walaupun tidak boleh dapat dicari tempat seperti yang disarankan oleh sahabat saya dari Pasir Puteh iaitu di dalam kawasan-kawasan pondok. Dengan adanya penempatan atau pembinaan Rumah Orang-orang Tua ini berhampiran dengan kawasan masjid atau surau-surau, mereka ini

akan dapat bermesra dengan masyarakat tempatan untuk bersembahyang jumaah apabila tiba waktunya dengan masyarakat di tempat itu.

Selain daripada itu, mereka juga akan dapat mempelajari pelajaran agama Islam menerusi guru-guru sama ada guru-guru dakwah atau guru-guru agama yang sentiasa datang ke kampung-kampung atau di kawasan terutama sekali di surau-surau atau masjid-masjid untuk menyampaikan pelajaran agama. Jadi, dengan adanya mereka dapat bercampur-gaul dengan masyarakat di situ, kita akan boleh mendapatkan simpati daripada masyarakat untuk membantu Kementerian ini bagi menolong menambahkan lagi kebahagiaan hidup orang-orang tua yang ada di situ. Barangkali ada di antara orang-orang di situ merasa kasihan, kalau ada mereka memasak lauk-lauk yang sedap-sedap tentu dihantar ke situ; ataupun kalau mereka buat kenduri dan sebagainya lauk-lauk akan dihantar ke situ atau dijemput datang bersama-sama, daripada kita memilih tempat yang terpencil umpamanya seperti di Kuala Kangsar terletak di antara pekan Kuala Kangsar dengan Manong, tempat yang jauh daripada manusia, lengang sahaja di situ, jadi tempat-tempat yang seperti ini saya fikir amatlah tidak sesuai kerana orang-orang tua ini akan kurang bergaul ataupun dapat bermesra dengan masyarakat-masyarakat setempat. Apa yang saya tengok rumah yang ada itu jauh daripada rumah-rumah orang lain, boleh dikatakan terpencil sahaja, sebab itu pada mula-mula dahulu orang-orang tua yang dihantar ke sana lari, tidak suka hidup di situ.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagi? Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Pengerusi, memang banyak yang saya hendak cakap, tetapi apa boleh buat, saya patuh kepada Tuan Pengerusi, saya simpulkan sahaja. Oleh sebab itu, saya berharap supaya pihak Kementerian ini akan dapat menimbang atas pandangan-pandangan saya ini supaya pelajaran agama Islam ini merupakan faktor utama di dalam usaha kita hendak menyelia dan memimpin atau memandu mereka yang telah terlibat dengan kegiatan-kegiatan atau amalan-amalan buruk itu supaya pulih menjadi manusia yang sempurna dan dapat diterima oleh masyarakat kembali, kalau seseorang itu waktu sembahyang dia pergi sembahyang, waktu orang puasa dia puasa dan sebagainya, sudah tentu masyarakat akan dapat menerima sebagai keluarga mereka yang sejati.

Dengan itu, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya peruntukan yang diberikan atau yang diminta oleh Kementerian ini di bawah Maksud B. 61 dan P. 61, berjumlah \$52,680,200 bagi tahun 1983.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

4.26 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan Kementerian saya. Mungkin tidak dapat saya memberi jawapan secara satu persatu atas cadangan ataupun usul-usul yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan sekiranya perlu mengikut keadaan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada memberi sedikit sebanyak teguran atas Kementerian saya dan cadangan kepada Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, saya hendak memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, pada dasar amnya Kementerian saya tidak menggalakkan keluarga menghantar orang-orang tua mereka masuk ke Rumah Orang-orang Tua. Lebih faedahnya jika orang-orang tua yang miskin digalakkan duduk dengan saudara mereka dan sekiranya perlu, orang-orang tua miskin itu boleh dibantu dengan bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, orang-orang tua yang tidak mempunyai saudara dan tidak mampu berdikari perlu dimasukkan ke Rumah Orang-orang Tua. Untuk tujuan ini, Kementerian saya mempunyai lapan buah Rumah Orang-orang Tua yang sedang memberi jagaan dan perlindungan kepada 2,155 orang tua.

Selain dari itu, Pusat Kebajikan menyelenggara 86 buah Rumah Orang-orang Tua Kecil dan 78 pondok di luar bandar yang menampung seramai 1,415 orang tua. Sebilangan besar dari mereka itu ialah orang bumiputera luar bandar. Jika didapati perlu, Kementerian saya juga akan menggalakkan dan membantu pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Majlis Pusat Kebajikan menambahkan bilangan Rumah Orang-orang Tua Kecil atau pondok-pondok di luar bandar.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada mengatakan beberapa perkara lain, saya ucapkan berbanyak terima kasih atas cerita-cerita yang diberi oleh Yang Berhormat iaitu penglibatan MAJUIKAN dengan nelayan, itu saya ucapkan terima kasih, oleh sebab Perkhidmatan Pembangunan Sosial akan bukan sahaja bergantung kepada Kerajaan tetapi ia akan melibatkan

diri dengan program lain termasuk kaum nelayan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada mengatakan peruntukan kecil. Memang saya mengakui peruntukan tahun 1983 memanglah kecil kerana program ini dimulakan dalam tahun 1982. Kementerian Kebajikan Am memulakan program secara kecilan dahulu sejajar dengan kemampuan kita sekarang dan akan memperkembangkan dari setahun ke setahun. Program murid-murid sekolah juga, ini sedang dijalankan sebagai usaha sama dengan pihak sekolah di mana murid yang mempunyai masalah dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan dua perkara iaitu dua orang pelarian dari Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bharu dan kumpulan haram katanya, yang dinamakan oleh beliau sendiri "UMNO", "MCA" dan "MIC" menjalankan "pekerjaan haram" dan yang mengganas di dalam Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bharu adalah satu, dengan izin "open institution" atau institusi terbuka untuk memulihkan 'hard core' penagih dadah. Kebanyakan mereka mempunyai latarbelakang jenayah, seperti bekas banduan, Restricted Residents, Gangsters dan juga bekas banduan dari Pulau Jerejak dan kebanyakan mereka ditahan mengikut Seksyen 25A atau 24B Akta Dadah Berbahaya, 1952. Tidakkah menghairankan penagih-penagih seperti itu lari keluar bila-bila masa sahaja pada masa di awal atau

penghujung tahun tahanan. Mengikut statistik yang ada pelarian itu adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penagih di Pusat Pemulihan	Jumlah Pelarian
1979	272 orang	74 orang
1980	469 "	64 "
1981	447 "	157 "
1982	501 "	161 "

(Sehingga Oktober)

Mereka yang lari ialah terdiri dari kes-kes yang diperintah oleh mahkamah masuk ke Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bharu mengikut Seksyen 25A dan 25B Akta Dadah Berbahaya, 1952 iaitu bukan di atas kesukaan atau kerelaan mereka sendiri. Namun demikian mereka sedar di atas apa yang akan terjadi kepada mereka jika ditangkap iaitu penjara selama dua tahun atau denda \$5,000, atau kedua-duanya mengikut Seksyen 39 Akta yang sama. Oleh yang demikian, mereka akan memberi berbagai alasan helah menipu dan membohong apa sahaja satu perangai yang ternyata di antara penagih agar mereka terlepas dari denda yang tersebut tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Minta Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi jalan?

Tuan Jawan anak Empaling: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Ahli Yang Berhormat sedar dalam dua kes tersebut, Chow dan Rajah bahawa mereka bukan kes Pulau Jerejak dan tidak ada rekod kriminal dan, kedua, dalam kes S. Rajah dia sudah ada di hadapkan ke mahkamah oleh kerana dia lari daripada pusat pemulihan itu dan di 'bound over' untuk satu tahun dan dia tak ada apa-apa kes lagi dan

tidak ada boleh dikatakan dia ada sebab 'self-serving' untuk cipta satu cerita?

Tuan Jawan anak Empaling: Inilah cerita dari Ahli Yang Berhormat tetapi patut Ahli Yang Berhormat dengar juga cerita dari saya. Begitulah kita bekerjasama.

Tuan Pengerusi, Chow Yue Kum telah pernah dipenjarakan sekali selama 6 bulan kerana memiliki dadah dan pernah dimasukkan ke Pusat Pemulihan Dadah, Tampoi pada awal tahun selama 6 bulan.

Di samping itu, beliau juga seorang "homosexual". Semasa di Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bharu beliau telah beberapa kali mencabul, menceroboh kehormatan seorang budak India. Kelakuannya adalah 'taboo' kepada penghuni-penghuni yang lain dan juga pentadbiran. Oleh itu.....

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sama ada patutkah tuduhan semacam itu? Saya tidak untuk mempertahankan seseorang tetapi sebut seorang itu sebagai 'homosexual' dan belum didakwa di mahkamah akan merosakkan nama seseorang dan saya rasa ini satu perkara yang sangat mustahak dan janganlah kita menggunakan privilege dalam Dewan ini untuk score satu point dan saya harap bahawa Yang Berhormat itu boleh tarik balik tuduhan itu atau perkataan itu diexpunged daripada proceedings oleh kerana apabila ini dilaporkan ini sangat tidak adil.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Tuan Jawan anak Empaling: Saya ikutlah teguran Ahli Yang Berhormat. Saya tarik balik perkataan itu.

Tuan Pengerusi: Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat pengetahuan mengenai penagih dadah itu atas opinion Medical Specialist atau pakar perubatan. Adakah itu betul, Yang Berhormat?

Tuan Jawan anak Empaling: Saya ingat begitu tetapi tak mengapa, Tuan Pengerusi. Saya tarik balik, saya terima teguran sahabat saya yang dikasihi itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya harap pihak akhbar dalam Dewan ini bolehlah ambil perhatian.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Pengerusi, untuk mengelakkan kekeliruan, saya tarik balik semua itu. Saya tinggalkan. Tak payah saya baca lagi. Paragraph itu saya tarik balik semua sekali.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat yang sebenarnya menyentuh sifat seorang inmate dalam sesebuah Drug Rehabilitation Centre sebagai "homosexual" atau "psychopath" boleh dibenarkan dalam Dewan ini.

Tuan Jawan anak Empaling: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi dia sudah tarik balik.

Tuan Jawan anak Empaling: Saya tarik balik.

Tuan Pengerusi: Ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, jadi saya ingat tak payah tarik balik, saya minta teruskan penerangan itu kerana ada berkaitan dengan tugas Yang Berhormat yang dibangkitkan juga dalam Dewan ini. Tak payah tarik balik.

Tuan Pengerusi: Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat itu, jika tidak mahu tarik balik, saya boleh benarkan perkataan seperti itu yang dikatakan tadi.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Pengerusi, tak apa, tarik balik atau tak tarik balikpun, serupa. Ini sudah kita dengar, tidak mengapa, saya tarik balik.

Tuan Pengerusi: Ini adalah penting oleh kerana ini mungkin jadi satu precedent yang mana pada masa akan datang seorang Ahli Yang Berhormat boleh gunakan perkataan itu, "homosexual" atau "psychopath".

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Pengerusi, itu tak boleh digunakan kepada umum, tetapi antara Ahli Yang Berhormat dengan saya, bolehlah; itu sahaja, lain tak boleh.

Tuan Pengerusi: Di antara Ahli Yang Berhormat dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sahaja?

Tuan Jawan anak Empaling: Ya, sebab dia sahabat saya, tak mengapa. Tuan Pengerusi, satu lagi kes iaitu S. Rajah.....

Tuan Pengerusi: Boleh saya jelaskan ini sedikit?

Tuan Jawan anak Empaling: Baiklah.

Tuan Pengerusi: Oleh kerana adakah seorang "homosexual" atau "psychopath" decision ini bukan dibuat di mahkamah tetapi dibuat oleh seorang Medical Specialist atau pakar perubatan atau psychiatrist dan sebagainya? Ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebutkan point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai ruling tadi. Seorang yang 'homosexual' boleh didakwa di mahkamah, itu satu criminal offence pun; tentulah itu pun daripada segi perubatan, tetapi ini pun satu criminal offence oleh kerana seorang yang demikian boleh dihadapkan ke mahkamah dan saya rasa ruling itu patutlah dikaji semula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, memang itu betul. Tetapi sebelum seorang dihukum di mahkamah sebagai 'homosexual' dia boleh di 'branded' sebagai seorang 'homosexual' oleh seorang doktor psychiatrist. Ini adalah penting, saya harap Ahli Yang Berhormat akan kaji itu juga. Yang Berhormat sila sambung jawapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, dia boleh disued in court kalau dia tidak boleh tunjuk bukti, sebab itu tidak patut menggunakan perkataan-perkataan daripada segi legal, daripada segi perubatan, itu lain, tetapi daripada segi penggunaan, saya rasa oleh kerana itu pun privilege antara doktor dan client tidak boleh digunakan oleh kerana ini satu criminal offence, tetapi tidak boleh sebut daripada medical side.

Tuan Pengerusi: Tetapi Yang Berhormat tidak sebut nama penagih yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Ada, ada sebab itu saya suruh tarik balik, tetapi sebagai ruling, kita sudah selesaikan perkara itu.

Tuan Luhah Wan: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Saya kira sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengatakan perkataan homosexual itu, itu bukan unparliamentary di sini. Jikalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebut perkataan itu kepada seorang Ahli Yang Berhormat di sini,

mungkin tidak boleh. Sebab ini fact ataupun kebenaran yang dibawa oleh Yang Berhormat itu daripada Kementeriananya diselidiki dahulu, sebab itu dia bawa perkataan itu di sini. Saya ingat itu boleh dipakai.

Tuan Pengerusi: Dalam konteks tadi kita boleh benarkan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu sudah selesai, saya harap ruling ini tidak boleh dibenarkan, oleh kerana saya rasa itu salah (*Disampung*) ada orang tidak berperasaan pun.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, saya ingat undang-undang sudah ada di depan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Ada orang tidak berperasaan kemanusiaan.....

Tuan Pengerusi: Ini Yang Berhormat tadi hanya beri satu contoh sahaja sebagai penjelasan ucapan Yang Berhormat tadi.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila menyambung.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Pengerusi, tujuan saya menyebutkan perkara begitu tadi, saya mahu memaklumkan kepada Dewan ini latar belakang cerita ini, tetapi Yang Berhormat sahabat saya minta tarik balik, saya tidak ada apa, sudah dengar tidak apa.

Satu kes lagi, Tuan Pengerusi, Raja a/l Galtara mempunyai latar belakang tidak berapa jauh, hampir serupa. Beliau pernah dipenjarakan sebanyak dua kali, sekali setahun kerana mencuri dan sekali lagi dipenjarakan 4 bulan kerana memiliki barang curian. Semasa beliau di dalam Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bahru, beliau telah menjalankan pemulihan dengan baik, tetapi selepas

40 hari beliau telah melarikan diri dengan sebab-sebab beliau sendiri yang tahu. Apabila beliau ditangkap 23 hari kemudian, pihak Polis Kuala Kubu Bahru tidak mendapat sebarang aduan daripadanya, sebarang kecederaan dan tidak pernah diminta untuk diperiksa oleh doktor. Adalah satu perkara mustahil jika benar dia dipukul atau disiksa, lebam-lebamnya masih ada dalam jangka masa lebih kurang sebulan ini satu perkara yang pihak doktor sendiri tidak menerima kenyataan tersebut.

Berkenaan dengan kumpulan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu UMNO, MCA, MIC di dalam Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bahru itu satu perkara biasa jika dilihat dari segi pertubuhan manusia. Dalam lingkungan umur penagih-penagih dadah di Pusat Pemulihan Dadah adalah menjadi perkara kebiasaan mereka suka mengidentifikasikan diri mereka kepada kumpulan yang tertentu, tetapi bukan sebenarnya UMNO, MCA, itu tidak benar. Nama kumpulan itu tidak ada apa-apa akibatnya. Apa yang mustahak iaitu aktiviti-aktiviti kumpulan itu.

Kementerian saya tidak menafikan perkara ragging yang berlaku memandangkan kategori penagih-penagih yang ada di dalam Pusat Pemulihan Dadah. Aktiviti mereka dikawal rapi dan jika didapati mereka telah melakukan sebarang kejenayahan iaitu mencederakan penghuni lain, mereka diserahkan kepada Polis untuk tindakan selanjutnya. Oleh sebab itu, Kementerian saya berpendapat cadangan Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak menubuhkan, dengan izin, Tuan Pengerusi, Parliamentary Select Committee untuk menyiasat perkara ini tidak perlu.

Kementerian saya memanglah sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan di dalam Pusat

Pemulihan Dadah di antaranya ialah block system di mana penghuni-penghuni baru tidak dicampur dengan penghuni-penghuni lama. Oleh yang demikian, mereka tidak lagi dapat dibuli. Pada awal tahun 1983 sistem baru akan dimulakan di mana ciri disiplin akan dipertingkatkan di mana Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bahru akan jadi sebagai Pusat Seranti di mana latihan ala tentera dikenakan kepada semua penghuni untuk mendisiplinkan mereka, maka adalah diharapkan dengan cara baru ini penghuni bukan sahaja dipulih di atas penagihan mereka, malahan mereka juga akan bertambah disiplin dan bertanggungjawab kepada diri sendiri dan negara.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi ada mengesyorkan soal pemulihan dadah, di antaranya Yang Berhormat dari Silam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya memang sedar bahawa seriousness atas masalah dadah. Oleh itu, Kementerian saya akan meluaskan lagi 4 buah Pusat Pemulihan Dadah yang ada sekarang untuk keperluan negara kita. Seperti Yang Berhormat mungkin tahu juga dalam Rancangan Malaysia Keempat, ada dua buah Pusat Pemulihan Dadah akan dibina boleh menampung seramai 300 orang. Selain dari itu, Kementerian saya ada program iaitu rancangan kilat akan didirikan di Kuala Lumpur ini untuk keperluan ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak menjawab dengan satu persatu, seperti kata saya tadi. Kementerian saya akan mengambil perhatian dan sekiranya perlu tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil mengikut keadaan negara kita sekiranya perlu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$42,880,200 untuk Maksud B. 61 di bawah Kementerian

Kebajikan Am jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$42,880,200 untuk Maksud B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,800,320 yang disebutkan dalam Maksud P. 61 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,800,320 untuk Maksud P. 61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 62 (Jadual)—

Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 62 dan Kepala Pembangunan P. 62 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Petaling.

4.50 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mukasurat 591, Maksud Pembangunan P. 62, Butiran 6 (vi)—Lebuhraya Petaling Jaya-Kuala Lumpur dan Simpang-simpang.

Tuan Pengerusi, bagi pihak penduduk Petaling Jaya ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan kerana mengadakan projek lalulintas Kuala Lumpur-Petaling Jaya yang mana apabila selesai dibina kelak ianya bukan sahaja akan mengurangkan kesesakan

lalulintas dan kemalangan jalan raya tetapi akan dapat memberi anggapan baik negara kita kepada pelawat-pelawat yang datang ke negara ini apabila mereka melalui jalan ini dari lapangan terbang Subang ke Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, yang mendukacitakan adalah bahawa projek ini telah menghasilkan satu peristiwa yang bertentangan dengan kepentingan orang ramai (against public interest).

Tuan Pengerusi, peristiwa yang saya maksudkan ialah cadangan pengambilan sebahagian daripada tanah padang permainan Sekolah Rendah Bukit Bintang, Petaling Jaya yang telah diwartakan pada 18hb Mac, 1982, luas yang bakal diambil ialah lebih kurang 23,021 kaki persegi. Tujuan pengambilan ini sebagaimana yang diwartakan dalam Gazette Notification ialah projek Jalan raya Kuala Lumpur-Petaling Jaya, jalan masuk ke lot 159, seksyen 8, Petaling Jaya. Maksud dan tujuan pengambilan sebahagian tanah padang permainan Sekolah Lelaki Bukit Bintang, Petaling Jaya ini ialah untuk membina dan mengadakan jalan keluar-masuk ke lot 159 yang dipunyai oleh Bitar Enterprises Sendirian Berhad yang bercadang untuk membina sebuah bangunan setinggi 15 tingkat di atas lot ini, iaitu 159.

Tuan Pengerusi, mengadakan jalan keluar-masuk ke lot 159 tidak ada kena-mengena dengan projek Jalan raya Kuala Lumpur-Petaling Jaya dan saya percaya Kerajaan tidak bercita-cita untuk mengambil bahagian yang bertentangan dengan kepentingan orang ramai. Pengambilan seluas 23,021 kaki persegi tanah padang sekolah tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan orang ramai dan penduduk-penduduk Petaling Jaya telah membantah cadangan pengambilan tersebut. Majlis Perbandaran Petaling Jaya telah menyatakan pendiriannya bahawa

cadangan pengambilan tanah padang sekolah tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan orang ramai dan telah meminta supaya cadangan pengambilan tanah yang dimaksudkan dibatalkan.

Tuan Pengerusi, saya telah menemui Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor sebanyak 3 kali dan juga dengan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sebanyak 2 kali berhubung dengan pengambilan tanah tersebut, malangnya sehingga hari ini perkara tersebut belum selesai lagi. Tujuan muktamad Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam belum dapat ditentukan. Adalah penting bahawa Kementerian berkenaan mengumumkan tujuannya kepada orang ramai dengan kadar yang segera.

Tuan Pengerusi, pengambilan seluas 23,021 kaki persegi tanah Sekolah Lelaki Bukit Bintang ini akan bertentangan dengan kepentingan orang ramai oleh sebab-sebab berikut:

- (1) ianya akan hanya menguntungkan Bitar Enterprises Sendirian Berhad, tuannya lot 159 dan bukan untuk faedah orang ramai;
- (2) pengambilan ini akan menjadi ibarat yang bahaya dikemudian hari kelak (dangerous precedent);
- (3) tapak tanah lot 159 terletak di antara Lebuhraya Persekutuan, Sekolah Lelaki Bukit Bintang dan Sekolah Rendah Tamil Vivekananda. Pembinaan bangunan 15 tingkat di atas tanah lot 159 akan menimbulkan beberapa masalah, seperti kesesakan lalulintas, pencemaran alam, mengganggu pemikiran dan kesihatan kanak-kanak sekolah seramai lebih kurang 3,000

penuntut yang berada di Sekolah Lelaki Bukit Bintang dan Sekolah Rendah Tamil Vivekananda;

- (4) pengambilan tanah ini akan mengurangkan keluasan padang sekolah ini daripada lebih kurang 0.809 hektar (2 ekar) hingga menjadi 0.607 hektar (1.5 ekar). Ketika ini luar kawasan sekolah ialah 2.1 hektar (5 ekar) sejajar dengan kehendak Kementerian Pelajaran di mana sekolah-sekolah rendah hendaklah mempunyai kawasan yang tidak kurang daripada 5 ekar;
- (5) pengambilan ini bermakna bahawa sekolah ini akan kehilangan sebuah padang bola (athletic track) 200 meter perlu diubahsuai yang mana akan melibatkan 3 buah gelanggang badminton dan memusnahkan pokok-pokok yang sedia ada. Tuan Pengerusi, eloklah diingatkan bahawa bukan sahaja kita menghadapi kekurangan sekolah di Petaling Jaya tetapi sekolah-sekolah yang ada juga menghadapi kekurangan kemudahan-kemudahan dan tempat-tempat rekreasi;
- (6) pengambilan ini akan menyekat perkembangan sekolah ini bagi masa hadapan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah menyatakan bahawa tujuan pengambilan ini ialah untuk mengadakan jalan keluar-masuk gantian kepada lot 159 dan menyatakan bahawa di bawah seksyen 70A, Ordinan Lalulintas, 1958 (Road Traffic Ordinance) bahawa adalah tanggungjawab Kerajaan untuk mengadakan jalan keluar-masuk gantian itu. Dengan hormatnya saya maklumkan iaitu saya tidak bersetuju dengan pendapat ini.

Seksyen 70A, Ordinan Lalulintas, 1958 (Road Traffic Ordinance) hanya boleh digunakan apabila terdapat sesuatu jalan keluar-masuk itu perlu ditutup untuk menjalankan kerja-kerja awam, maka Kerajaan bertanggungjawab mengadakan satu jalan keluar-masuk yang lain, inilah yang telah berlaku dengan Hotel Abad (Century) dan Bangunan Volvo, kedua-duanya di Kuala Lumpur. Tetapi berkenaan dengan lot 159 tidak ada jalan keluar-masuk yang ditutup sepenuhnya dan dengan itu Kerajaan tidak bertanggungjawab untuk mengadakan jalan gantian baginya. Dengan izin, assuming even for one second, sekiranya Kerajaan dianggap bertanggungjawab mengadakan jalan keluar-masuk ke lot 159, mengapa Sekolah Lelaki Bukit Bintang yang dijadikan mangsa dan kepentingan orang awam diketepikan?

Tuan Pengerusi, dalam keadaan negara sedang menghadapi kemerosotan ekonomi, wang rakyat tidak patut digunakan untuk perbelanjaan yang tidak memberi faedah kepada negara dan menentang kepentingan orang ramai.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah menerangkan bahawa beliau akan memberi pertimbangan terhadap keperluan dan kepentingan Sekolah Lelaki Bukit Bintang dan penuntut-penuntut dengan mengemukakan satu cara lain untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya minta satu sahaja iaitu supaya Yang Berhormat Menteri mengesahkan pengambilan tanah Sekolah Bukit Bintang seluas 23,021 kaki persegi tidak akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor

secara rasmi supaya cadangan pengambilan tanah yang dimaksudkan itu dibatalkan, degazetted, dengan izin.

Tuan Pengerusi, jika ada apa-apa yang hendak diselesaikan oleh Kerajaan bersama dengan tuanpunya Lot 159, perkara ini terpulanglah kepada mereka sendiri untuk menyelesaikannya. Tuan Pengerusi, saya telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang beliau sedia bila-bila masa sahaja untuk membatalkan gazette terhadap notis pengambilan padang sekolah yang dimaksudkan. Apa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar perlukan ialah sepucuk surat daripada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang menyatakan bahawa tanah yang dimaksudkan tidak perlu diambil.

Tuan Pengerusi, perkara yang merunsingkan ialah orang ramai berpendapat bahawa ada kemungkinan notis untuk pengambilan tanah seluas 23,021 kaki persegi itu tidak akan dibatalkan memandangkan bahawa tuanpunya Lot 159 adalah terdiri daripada orang-orang yang berpengaruh. Kerajaan Barisan Nasional ialah satu Kerajaan yang cekap, bersih dan amanah. Ini adalah satu perkara yang nyata dan ianya telah membawa kemenangan gemilang di dalam pilihanraya baru-baru ini. Dengan itu adalah penting Kerajaan membuktikan dan mengkotakan apa-apa yang telah dikatakan.

Di dalam hal ini saya mendesak supaya Yang Berhormat Menteri menyelesaikan perkara ini segera dengan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor bahawa padang Sekolah Rendah Laki-laki Bukit Bintang itu tidak perlu diambil.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh muka surat 587 Maksud B. 62, Butiran 1100, Program (1) Perkhidmatan-perkhidmatan Pengurusan dan Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1972 satu Akta Jurutera (Engineers Act) telah diluluskan. Di bawah Akta ini jurutera-jurutera boleh berkhidmat di salah sebuah 72 Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun badan-badan awam yang ada sebelum mereka dapat diberi pertimbangan untuk mendapatkan Professional Engineer (P.E.)

Tuan Pengerusi, hasil dari Akta ini mulai daripada tahun 1973 kesemua jurutera-jurutera telah disalurkan berkhidmat dengan Kerajaan. Mereka diberi pilihan berkhidmat dengan Kerajaan sebagai pegawai di bawah perkhidmatan tetap ataupun di bawah skim kontrak selama 3 tahun. Undang-undang ini memberi manfaat dari segi:

- (1) dapat mengurangkan kekosongan jawatan dan keperluan jurutera yang dihadapi oleh Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Parit dan Taliair;
- (2) mereka diberi peluang berkhidmat dengan Kerajaan di bawah perkhidmatan tetap jika mereka mahu.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun dalam tahun 1976 saya difahamkan bahawa jurutera-jurutera yang bukan bekas pemegang biasiswa telah diberikan skim perkhidmatan kontrak tanpa pilihan untuk dipertimbangkan masuk ke bawah skim perkhidmatan tetap. Saya juga faham bahawa mulai tahun 1978 situasi ini juga dihadapi oleh akitek dan juruukur bahan.

Tuan Pengerusi, amalan ini menimbulkan beberapa implikasi:

- (1) pelaksanaan projek-projek di Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Parit dan Taliair ketinggalan ke belakang; dan
- (2) Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Parit dan Taliair telah menjadi tempat latihan bagi akitek, jurutera dan juruukur bahan sebelum mereka berpindah ke bidang swasta.

Bagi mereka yang di bawah skim kontrak ini mereka tidak akan menyambung khidmat mereka dengan Kerajaan selepas sahaja tamat tempoh kontrak mereka.

Tuan Pengerusi, saya mendesak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam membincangkan perkara ini secara serius dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Kerajaan memberi peluang kepada warganegara yang mendapat kelulusan profesional tetapi bukan seorang bekas pemegang biasiswa Kerajaan diberi peluang untuk berkhidmat dengan Kerajaan, sama ada di Jabatan Kerjaraya atau Jabatan Parit dan Taliair.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Yeoh Poh San: Sedikit lagi habislah, Tuan Pengerusi. Lagi satu saat (*Ketawa*). Ataupun Jabatan Parit dan Taliair sebagai pegawai Kerajaan di bawah skim perkhidmatan tetap.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya bersungguh-sungguh menyokong peruntukan yang diberi bagi Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

5.06 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan 62, Kementerian Kerjaraya

dan Kemudahan-kemudahan Awam, muka surat 587, Butiran 1100, Program (1) Perkhidmatan-perkhidmatan Pengurusan dan Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, peruntukan bagi Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan mendapat kenaikan dari \$30,038,300 bagi tahun 1982 ke \$34,215,900 bagi tahun 1983. Jumlah kenaikan melebihi \$4 juta. Adakah kelebihan perbelanjaan itu disebabkan dengan tambahan kemajuan Perkhidmatan Pentadbiran dan Pengurusan Kementerian itu.

Tuan Pengerusi, laporan pengumuman Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam pada hari Ahad yang lalu iaitu satu pengenalan sistem ethika kerja bagi pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai akan digubalkan bersama-sama oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan juga Jabatan Kerjaraya. Menteri berkenaan ada menyebut idea itu ada bersama dengan cara-cara kerja dikenalkan di Korea dan Jepun. Tambahnya lagi, suatu Jawatankuasa Ethika akan dibentuk untuk mengkaji sistem itu dan sistem itu patuh kepada disiplin untuk membantu kakitangan tetap menerima kontrak membahagi perintah-perintah untuk mentaksir minat dan potensi individu dalam pentadbiran.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju perlunya ada disiplin dalam sesuatu organisasi tetapi pemimpin mesti menjadi teladan. Pada pendapat saya Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ialah seorang yang kurang sangat mempunyai sikap tanggungjawab. Menteri ini juga menggunakan 'Letter Head' rasmi bagi Kementerian itu beberapa kali untuk

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan V. Govindaraj: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti, Yang Berhormat! Beri jalan atau tidak?

Tuan Karpal Singh: Saya beri jalan kepada Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang (*Ketawa*).

Tuan V. Govindaraj: On a point of order, 36 (3).

Tuan Pengerusi: Sila bacakan, Yang Berhormat.

Tuan V. Govindaraj: Perkara ini tidak perlu, Tuan Pengerusi. Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak bercakap atas peruntukan

Tuan Pengerusi: Sila bacakan Peraturan Mesyuarat itu, Yang Berhormat.

Tuan V. Govindaraj: 36 (3), dengan izin: It shall be out of order

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bacakan dalam versi Bahasa Malaysia muka surat 40.

Tuan V. Govindaraj: "Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam penggal majlis yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian bagi membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara ini".

Dengan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan Pengerusi: Perkara apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu?

Tuan V. Govindaraj: Dia sebut nama Menteri dan dia kata Menteri tidak jujur, dia kata letter-head dan memopad daripada Kementerian-kementerian yang lain. Perkara ini kalau saya tidak silap, dia sudah bawa perkara ini dalam Dewan yang mulia

dan di luar dan orang yang berkenaan inipun sudah minta dia masukkan dalam Mahkamah. Jadi saya tidak faham macam manakah perkara ini perlu. Saya rasa perkara ini tidak perlu dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sejauh pengetahuan saya Yang Berhormat dari Jelutong belum sebut atas apa-apa.

Tuan V. Govindaraj: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Jelutong telah sebut nama, letter-head atau memopad-memopad.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat tadi menyebut letter-head dan sebagainya?

Tuan Karpal Singh: Belum lagi. (*Ketawa*).

Tuan V. Govindaraj: Tuan Pengerusi, saya dengar, saya dengar.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, apa yang saya ada kata Menteri ini ada juga menggunakan letter-head rasmi, selepas itu semua sudah keliru di sini.

Tuan V. Govindaraj: Saya kata tidak perlu perkara ini.

Tuan Karpal Singh: Belum habis lagi.

Tuan Pengerusi: Beri Yang Berhormat sampai ke perkara yang betul dahulu, ia hanya sebutkan—jangan flare-up begitu. Jika tidak, Yang Berhormat tidak boleh menggunakan Peraturan Mesyuarat sampai sekarang sahaja. Yang Berhormat faham atau tidak?

Tuan Karpal Singh: Kita ada satu singa muda dalam Dewan ini. Singa tua tidak hadir hari ini, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Tuan V. Govindaraj: Tuan Pengerusi, saya kata saya adalah manusia biasa—tarik balik (*Ketawa*)—

saya minta dia tarik balik, dia selalu gunakan nama binatang, singakah, itu tidak perlu. Pada hemat saya, dalam Dewan ini semua orang manusia biasa. Tarik balik. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Jika Yang Berhormat ingat pada lebih kurang 4 minggu dahulu saya dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker kita telah membuat ruling bahawa perkataan seperti binatang dan sebagainya.

Tuan Karpal Singh: Bukan binatang singa muda. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Sama jugalah Yang Berhormat. Singa bukannya binatang?

Tuan Karpal Singh: Saya pun orang "Singh" bukan ini singa, tiada apa-apa ini.

Tuan Pengerusi: Singa bukan binatangkah? "Singh", which Singh you are talking about?

Tuan Karpal Singh: Itu bukan unparliamentary, "singa muda", bukan binatang.

Tuan V. Govindaraj: (*Bangun*)

Tuan Karpal Singh: Sila duduk!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk dahulu.

Tuan Karpal Singh: What is the excitement about?

Tuan Pengerusi: Saya minta penerangan, which Singh?

Tuan Karpal Singh: Karpal Singh (*Ketawa*). Itu bukan unparliamentary.

Tuan Pengerusi: Jika Singh kita benar, kalau "singa" tidak boleh. Apa yang sebenarnya, Karpal Singh seperti nama "Singh" atau binatang Singh itu. (*Ketawa*)

Tuan Karpal Singh: Bukan binatang Singh, orang Singh, bukan saya cakap binatang.

Tuan Pengerusi: Cakap Singh sahaja.

Tuan Karpal Singh: Govindaraj Singh (*Ketawa*).

Tuan V. Govindaraj: Tuan Pengerusi, nama saya Govindaraj, saya bukan Singh (*Ketawa*). Singa atau Singh.

Tuan Karpal Singh: Tetapi boleh jadi Singh.

Tuan Pengerusi: Singh—seorang Punjabi Singh.

Tuan V. Govindaraj: Dia Singh—saya Govindaraj.

Tuan Karpal Singh: Tidak boleh jadi Singh?

Tuan Pengerusi: Jangan gunakan "singa" atau "Singh" lagi. Yang Berhormat sila menyambung ucapan.

Tuan Karpal Singh: Apa yang saya katakan tadi

Tuan Pengerusi: Dengar baik-baik Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Menteri ini juga menggunakan letter-head rasmi bagi Kementerian itu beberapa kali untuk kegunaan peribadi beliau. Beliau tidak beberapa lama dahulu menulis sepucuk surat beralamat kepada Tetuan Richard Talalla, peguamcara beliau di atas kertas letter-head Kementerian beliau. Ada kemungkinan surat itu ditaip dalam waktu pejabat oleh seorang staff beliau. Terus-terang surat itu ditandatangani oleh Menteri itu. Saya ada bukti di sini. Saya menyeru Menteri yang berkenaan menentukan atau menafikan tuduhan

saya dalam hal ini. Adakah perbuatan seperti ini menunjukkan apa yang kita boleh harap dari seorang pemimpin menduduki kemuncak dan memberi wahyu mengenai ethika kerja dan disiplin? Saya katakan ini semua satu perbuatan yang munafik. Tetapi ini bukan penghabisan perkara ini. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam juga membenarkan surat-surat rasmi itu digunakan untuk mengeluarkan resit-resit bertarikh 13hb Januari, 1982 oleh seorang biasa. Nampaknya tandatangan surat itu ialah tandatangan peguam beliau. Adakah Menteri ini berani menafikan perkara ini, Tuan Pengerusi, ada juga terdapat lagi satu surat rasmi yang saya ada di sini digunakan sebagai resit peribadi pada 12hb Januari tahun ini?. Isi kandungan berbunyi:

“Diterima dari Dato’ S. Samy Vellu jumlah wang sebagai separuh bayaran bagi sekeping tanah lot 6130 di Mukim Batu, Kuala Lumpur.”

Dato’ Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta apa?

Dato’ Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Penerangan, Tuan Pengerusi, dalam segi ethika kerja ini ialah dirancang oleh pihak pentadbir bagi kakitangan JKR, tidaklah ada kena-mengena dengan Menteri itu.

Tuan Karpal Singh: Ini lagi satu tanda berat atas perkara seperti ini. Mana boleh kita tidak mahu ikut, itu kena diikuti jikalau disiplin yang baik ada diguna oleh Menteri ini.

Tuan Pengerusi: Ini secara tidak langsung (*indirectly*).

Tuan Karpal Singh: *Indirect* atau *direct*, Tuan Pengerusi. Ini menjadi pemimpin Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Baiklah, jangan selalau sebut Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Tertib Mesyuarat 36 (1), Peraturan Mesyuarat 36 dalam kandungan 1, berbunyi:

“Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.”

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya, perkara yang dalam perbincangan terkandung di bawah Tajuk Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Maksud 62 dan berikutnya angka-angka. Begitu juga perkara yang di dalam perbincangan tercetak di atas muka surat 587, 588, 589, 590, 591, 592, 593, 594, 595, 596, 597 dan seterusnya dan ini perkara-perkara yang menjadi perkara yang sedang diperbincangkan. Pada pendapat saya, saya yakin Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tentu bersetuju kerana Ahli Yang Berhormat lebih matang dan lebih lama daripada saya dalam Dewan ini yang perkara-perkara yang baru sahaja diucap oleh Ahli Yang Berhormat itu terkeluar daripada perkara-perkara yang dibincangkan sekarang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, pada pendapat saya, apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong tadi tidak salah pada Peraturan Mesyuarat yang diumumkan oleh Yang Berhormat itu oleh kerana Yang Berhormat sekarang sedang berucap atas perkara Pentadbiran dan Pengurusan. Saya fikir ini ada berkaitan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, mengikut Peraturan Mesyuarat 36 dan 36 (9) bahawa tidak boleh sebut apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mana-mana mahkamah.

Dan 36 (9) "Dalam apa-apa perbincangan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli Parlimen atau pegawai Kerajaan."

Jadi, apa yang disebutkan tadi adalah urusan perbalahan peribadinya dengan pihak Menteri tersebut bukan ada kaitan dengan urusan Kerajaan ataupun kerja-kerjanya. Jadi dengan menggunakan letterhead itu masalah peribadi dia, begitu juga perkara ini betul atau tidak tuduhannya telah pun dibawa ke mahkamah. Jadi tidak perlu ditimbulkan perkara ini beberapa kali di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila sambung.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, perkara ini bukan *sub judice*, sudah ada ruling atas perkara ini pada 2hb November, 1982 oleh Tuan Speaker dan saya boleh teruskan perkara ini. Masa dahulu pun saya

Tuan Pengerusi: Bolehkah Yang Berhormat jelaskan apa Yang Berhormat akan berucap ini atas ada menuju secara langsung kepada Yang Berhormat Menteri bersendirian, atau

Tuan Karpal Singh: Bukan bersendirian, bukan peribadi. Ini adalah apa yang ada dibuat dalam bidang tugas official

Tuan Pengerusi: Atas nama Kementerian, saya boleh benarkan. Jika membahaskan atas Yang Berhormat Menteri

Tuan Karpal Singh: Bukan, bukan atas Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Bukan? Kementerian

Tuan Karpal Singh: Bukan dan atas Menteri (*Ketawa*). Baru cakap, bukan guna.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak berucap ini atas kelakuan Menteri dalam tugas-tugas rasmi dalam Kementerian.

Tuan Pengerusi: Ini bukan kes yang telah berlaku?

Tuan Karpal Singh: Bukan. Ada satu kes dalam mahkamah. Ada satu ruling pada 2hb November dalam mana Tuan Speaker ada buat satu ruling, boleh menyentuh atas perkara ini. Oleh kerana Menteri tidak menafikan apa-apa yang ada dituduh atas perkara ini dalam kes itu. Bukan apa-apa yang ada dalam mahkamah.

Tuan Pengerusi: Bukan dalam kes itu?

Tuan Karpal Singh: Bukan *sub judice*.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Karpal Singh: Ada di sini apa yang sudah

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Yang sebenarnya, Ahli Yang Berhormat itu ada kepentingan dalam perkara ini, jadi dengan sebab

itu dia menimbulkan perkara ini dalam Dewan. Jadi kalau ada kepentingan, sebut berapa banyak kepentingan dia ada dalam kes ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita dengarlah apa yang Yang Berhormat itu akan cakap. Baik, teruskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, ruling yang ada dibuat pada 2hb November tahun ini, saya pun ada sebut pecuniary interest dalam perkara itu. Sudah buat ruling, ini bukan perkara yang baru, Boleh saya teruskan.

Tuan Pengerusi: Cakap atas perkara Pentadbiran dan Pengurusan sahaja, Yang Berhormat. Jangan perkara perseorangan.

Tuan Karpal Singh: Ya, pentadbiran dan pengurusan. Yang Berhormat Menteri atas tugas-tugas rasmi. Ini letterhead rasmi bukan letterhead persendirian.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Nanti Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Sila duduk! Apabila Tuan Pengerusi bercakap, Ahli sila duduk. Ini mengikut Peraturan Mesyuarat 42. Saya hanya benarkan Yang Berhormat bercakap atas perkara Pentadbiran dan Pengurusan sahaja. Jangan ada kaitan secara langsung dengan lain-lain transactions yang telah diputuskan beberapa minggu yang lalu. Yang Berhormat, bolehkah begitu?

Tuan Karpal Singh: Ya. Ini atas resit lagi sekali, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh bercakap perkara resit tetapi tidak payah merujuk kepada kes yang telah

Tuan Karpal Singh: Tidak, saya tidak menyentuh kepada kes.

Tuan Pengerusi, apakah sebab resit itu yang saya telah sebutkan tadi dikeluarkan oleh Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Macam mana terdapat resit itu dikeluarkan? Itu apa yang saya hendak tahu, Tuan Pengerusi. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah menyalahgunakan kuasa beliau dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada beliau. Ini adalah suatu perbuatan yang keji.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu kita ingin mengetahui cara surat rasmi bercatat dengan lambang rasmi Persekutuan dan tajuk kepala. "Mesyuarat Menteri Besar/Ketua Menteri Jatuh Dalam Tangan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam." Surat rasmi tersebut telah digunakan sebagai resit rasmi pada 19hb Oktober, 1981 dengan mengandungi kata-kata dan angka-angka seperti berikut

Tuan Pengerusi: Tidak payah beri angka-angka dan detail. Itu tidak payah - cukup.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, apakah cara Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dapat surat rasmi tiada kena-mengena dengan Kementerian beliau? Menggunakan surat rasmi Kementerian beliau dalam hal persendirian itu sahaja tidak baik. Apa lagi bagi surat-surat rasmi kepada jabatan-jabatan lain. Seharusnya pihak Polis hendaklah menyoal

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk tentukan cara surat rasmi berkenaan jatuh dalam tangan orang lain. Polis mesti siasat

Dato' Dr Nik Hussien bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi.

Tuan Karpal Singh: On a point of order?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Penerangan. Barangkali Yang Berhormat tidak faham atas cara-cara kita membuat sesuatu mesyuarat dan persiapan-persiapan tertentu dalam mana-mana mesyuarat Menteri-menteri Besar juga Menteri-menteri daripada Kementerian Persekutuan dijemput hadir sama dan tempat-tempatnya disediakan sepenuhnya dengan kemudahan-kemudahan seperti kertas tulis, pensil dan sebagainya. Jadi pad-pad ini diserahkan, dimasukkan dalam satu fail dan fail ini serahkan untuk digunakan oleh Menteri yang berkenaan. Jadi biasanya kita bawa balik kertas-kertas ini dan digunakan sebagai draft-pad. Itu sahaja bagi makluman Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih. Tuan Pengerusi, surat atau kertas ini tidak digunakan jadi draft pad, tetapi jadi satu resit dalam mana ada tulis seperti berikut

Tuan Pengerusi: Tidak payah baca.

Tuan Karpal Singh: Mana boleh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jika tidak, saya tidak benarkan Yang Berhormat menyambung ucapan ini. Cukuplah itu.

Tuan Karpal Singh: Baik, baik, Tuan Pengerusi, saya terima.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Pengerusi, on a point of order. Mengikut mesyuarat kita, kita benarkan seorang bercakap 15 minit. Nampaknya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebutkan tertib mesyuarat berapa?

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Ruling! Jadi ruling yang kita buat dalam Dewan ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berdiri di atas tertib Peraturan Mesyuarat berapa. Sebutkan nombornya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Jadi

Tuan Pengerusi: Duduklah. Siap sediakan dengan Peraturan Mesyuarat itu.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Peraturan Mesyuarat 35 (8).

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa lagi.

Tuan Pengerusi: Saya ada rekod berapa banyak masa yang telah hilang.

Tuan Karpal Singh: Tuan Pengerusi, Polis mesti siasat perkara ini dengan tujuan menentukan adakah Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam membuat kesalahan mencuri surat rasmi itu ataupun menerima dan menyimpan barang kecurian. Ini ialah perkara serius oleh kerana Menteri ini ada menggunakan letterhead ini untuk dikeluarkan satu resit.

Tuan Pengerusi: Cukup, Yang Berhormat ada lima minit lagi.

Tuan Karpal Singh: Mengikut pendapat saya Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam itu tidak layak menerima gaji, public payroll. Beliau sudah menjadi beban berat bagi pembayar cukai. Beliau telah menyalahgunakan kuasa dan

kedudukan beliau dan tidak berhak menyertai pentadbiran 2M yang cuba dengan beberapa daya upaya untuk mengekalkan kedudukan pentadbiran itu sebagai Kerajaan yang disanjung tinggi oleh rakyat.

Tuan Pengerusi, saya menasihatkan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menunjukkan keberanian beliau dengan mengakui semua silap dan kelemahan beliau dan berhenti dari keahlian Jemaah Menteri dengan sendiri. Ini ialah untuk kebaikan negara kita jikalau beliau sudi mengikut nasihat itu. Bagi pendapat saya selagi beliau duduk dalam Kabinet beliau menjatuhkan nama dan maruah Kabinet kita dan sikap sedemikian patutlah dielakkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

5.31 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menyampaikan sepatah dua kata mengenai Maksud Pembangunan 62, Butiran 4—Memperbaiki lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan di muka surat 591.

Sebelum itu ingin saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kerjaraya yang telah dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, menyedari dan menginsafi bahawa beban tugas yang semakin berat yang terpaksa dipikul oleh Jabatan Kerjaraya ini terutamanya dari sudut pembinaan bangunan-bangunan, maka saya menyokong penuh atas usaha Kerajaan dalam sudut pembinaan bangunan-bangunan ini atau yang seumpamanya dibuat secara turnkey dan package deal. Dengan cara ini beban tugas JKR akan dapat dikurangkan di samping berharap agar

pada masa-masa yang akan datang pihak JKR akan dapat mempertingkatkan lagi usaha melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya ke arah matlamat yang diharapkan.

Dalam hubungan Butiran 4, muka surat 591, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ke satu jalan sepanjang 66 batu yang menghubungkan bandar Kluang dan bandar Mersing iaitu di dalam kawasan pilihanraya saya dan kawasan pilihanraya Parlimen Kluang. Jalan tersebut berliku-liku seperti ular kena palu, permukaan jalannya banyak yang berlubang di sana sini di samping jalan itu terlalu sempit. Di kiri kanan jalan keadaannya begitu membahayakan kenderaan-kenderaan yang lalu-lalang di jalan raya tersebut. Saya difahamkan bahawa jalan sepanjang 66 batu ini dilalui oleh kenderaan lebih daripada seribu buah kenderaan pada setiap hari dan saya penuh yakin bahawa pada masa-masa yang akan datang bilangan kenderaan yang menggunakan jalan raya ini akan bertambah ekoran daripada pesatnya pembangunan di kiri kanan jalan tersebut yang sedang rancak dijalankan pada saat dan ketika ini, seperti pembukaan tanah oleh FELDA, FELCRA dan seumpamanya.

Yang anihnya pula iaitu di satu bahagian jalan tersebut sepanjang lebih kurang 25 batu di antara Kahang dengan Jemeluang terdapat sebanyak 15 buah jambatan kayu dan keadaan jambatan kayu ini begitu uzur sekali, pembukaan jambatan tersebut kayu-kayannya sudahpun berlubang-lubang, patah di sana sini di samping terdapat paku-paku yang menonjol yang boleh menyebabkan tayar-tayar kenderaan yang melalui jambatan tersebut bocor. Bila tayar bocor, kenderaan mungkin terbabas, dan

kemalangan mungkin berlaku. Di samping itu pula daripada 15 buah jambatan yang terdapat di sepanjang jalan tersebut sejauh 25 batu seperti yang telah saya katakan tadi terdapat 2 buah jambatan kayu yang sudahpun buat masa ini tidak lagi diperakukan oleh Jabatan Kerjaraya Mersing sebagai jambatan yang selamat untuk dilalui oleh kenderaan-kenderaan dan kedua-kedua buah jambatan tersebut boleh jadi roboh pada bila-bila masa sahaja. Oleh kerana jalan yang menghubungkan antara Kluang dan Mersing ini jugalah merupakan jalan yang menghubungkan Pantai Timur dan Pantai Barat di negeri Johor maka saya menganggap bahawa jalan ini adalah jalan Persekutuan yang penting dan perlu dipertitikberatkan. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada faktor banyaknya bilangan kenderaan yang melalui jalan ini, pertambahan penduduk, pembukaan tanah di sepanjang jalan ini dan merupakan jalan penghubung di antara Pantai Barat dan Pantai Timur di negeri Johor serta keadaan jalan yang tidak baik, bengkok bengkok, berlubang di sana sini dan sebagainya seperti apa yang telah saya katakan itu tadi, maka inginlah saya menyeru kepada Kerajaan terutamanya Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya menaikkan taraf jalan tersebut dengan memperluaskan lagi permukaan jalan di samping meluruskan keadaan yang bengkok bengkok di sepanjang jalan 66 batu itu. Menggantikan sebanyak 15 buah jambatan kayu kepada jambatan kongkrit ataupun batu, kerana kebanyakan jambatan-jambatan kayu ini sudah uzur dan membahayakan kenderaan-kenderaan yang melalui jalan ini di samping begitu banyak kes-kes di mana kenderaan-kenderaan yang mengalami kebocoran tayar-tayar kenderaan akibat terlanggar paku-paku jambatan yang menonjol keluar. Jadi dapatlah apalah kiranya Menteri yang berkenaan mengambil perhatian

yang serius bagi menyelesaikan masalah jalan sepanjang 66 batu yang saya anggap penting itu tadi.

Tuan Pengerusi, ingin saya beralih kepada Maksud Pembangunan 62, Butiran (Projek) 122—Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan (di Luar Kuala Lumpur), halaman 598.

Pada kebanyakan daerah di negara ini pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan diletakkan di bangunan-bangunan yang sedikit kurang selesa kalau dibandingkan dengan pejabat-pejabat Kerajaan Negeri. Contohnya saya bawa Tuan Pengerusi lagi sekali di Mersing. Di Mersing setengah pejabat Kerajaan Persekutuan diletakkan di bangunan kayu di mana luas ruang pejabat tiap-tiap satu lebih kurang 12×20 kaki sahaja di situlah letaknya meja pegawai, di situlah letaknya rak-rak fail, di situlah letaknya kerusi tempat tetamu dan di situlah juga letaknya meja kakitangan pejabat dan sebagainya. Oleh kerana ruang pejabat yang begitu sempit, keadaan bangunan yang agak tidak selesa dari pandangan kaca mata orang ramai di samping pejabat-pejabat Kerajaan ini pula pada setiap hari dikunjungi oleh orang ramai untuk memohon khidmat bakti, maka adalah dicadangkan supaya pejabat-pejabat yang berkeadaan seumpama yang telah saya sebutkan itu tadi dapat diperbaiki, kalau boleh digantikan dengan bangunan-bangunan yang baharu di mana ruang-ruang pejabat yang lebih selesa dapat dinikmati oleh orang ramai.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini, ingin juga saya mencadangkan supaya di dalam proses pembinaan semula pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan di daerah-daerah ini adalah dicadangkan bahawa Kerajaan menitikberatkan penempatan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan ini di satu kawasan atau di satu tempat bagi memudahkan orang ramai membuat

pengurusan dengan pegawai-pegawai, Kerajaan Persekutuan yang berkenaan.

Akhir sekali saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.40 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 5.57 ptg.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)
Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.58 ptg.

Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan muka surat 595, Maksud Pembangunan 62, Butiran 65—Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Kedah.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana bersetuju memberi pinjaman bagi maksud menambahkan lagi bekalan air kepada pengguna-pengguna di negeri Kedah. Masalah bekalan air minuman sudahpun dihadapi oleh pengguna-pengguna sejak beberapa tahun yang lalu. Ada di setengah-setengah tempat pihak Jabatan Kerja Air (JKA) telah menanam "main pipe" sedah 6-8 tahun yang lalu tetapi sehingga sekarang pemasangan paip-paip ke rumah-rumah dan bekalan air minum, tidak dapat dilaksanakan oleh sebab

bekalan air tidak mencukupi. Beberapa kali pembesaran loji-loji yang sedia ada telah pun dijalankan tetapi masih lagi tidak dapat menampung kekurangan air minuman sehingga beberapa tahun yang akan datang.

Apa yang mendukacitakan ialah bekalan air dapat diberi kepada rancangan-rancangan perumahan yang sedang pesat membangun khususnya di kawasan-kawasan bandar tetapi bagi kampung-kampung tradisional mereka terpaksa menunggu sehingga hari ini untuk mendapat bekalan air paip. Alasan-alasan yang selalu diberikan oleh pihak Jabatan Kerja Air ialah "tekanan air tidak mencukupi".

Tuan Pengerusi, saya percaya dengan adanya pinjaman sebanyak \$24 juta bagi tahun 1983 akan dapat menambahkan daya pengeluaran air minuman yang berlipatganda dan dapat menampung bekalan air minum ke kampung-kampung yang belum mendapat bekalan air ini tetapi sudah dibekalkan dengan paip-paip sejak 6-8 tahun yang lalu. Tetapi di samping bekalan air daripada loji-loji yang sudah dibina dan akan dibesarkan ataupun pembinaan loji-loji baru di tempat-tempat yang biasa dibina loji-loji tersebut, saya berpendapat pihak Jabatan Kerja Air dan lain-lain pihak yang bertanggungjawab perlu juga mengkaji dengan lebih mendalam dan melaksanakan dengan lebih luas lagi untuk mengeluarkan air minum daripada penggalian telaga-telaga bawah tanah ataupun "artesian well" dan jerairan pertanian yang boleh diproses untuk dijadikan air minum dan disalur kepada pengguna-pengguna di sekitar kawasan yang berkenaan. Loji-loji kecil seperti saya sebutkan tadi sedang diuji di kawasan Kuala Kedah dan didapati boleh memproseskan air pertanian untuk minuman. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya rancangan seperti ini dapat dipraktikkan di

kawasan-kawasan lain yang ada terdapat air-air pertanian yang mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh muka surat 599, Maksud Pembangunan P. 62, Butiran 132 Jalan-jalan Menghala ke Bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan. Saya dapati di bawah butiran ini hanya peruntukan tanda sebanyak \$10 diberi, saya berharap peruntukan \$10 ini tidak mencerminkan betapa mustahaknya di dalam perancangan satu-satu bangunan Kerajaan juga diadakan jalan-jalan masuk ke bangunan-bangunan tersebut ataupun, dengan izin, access road.

Tuan Pengerusi, ada biasa terjadi, peruntukan telah pun diberi untuk membina satu-satu bangunan, tender sudah pun keluar dan apabila pemborong yang berjaya hendak mula membina bangunan tersebut, didapati tidak ada jalan masuk dan tidak ada peruntukan untuk tindakan pengambilan tanah bagi maksud membina jalan masuk, saya berharap pihak Kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya berkenaan dengan jalan-jalan tersebut.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk tahun 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Serai.

6.03 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak bercakap sedikit berkenaan P. 62, Butiran 1 hingga 4 iaitu Memperbaiki Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan peruntukan bagi butiran tersebut adalah sebanyak \$151.6 juta untuk tahun ini, tetapi cuma \$89 juta untuk tahun depan, nyatalah berkurangan \$62.6 juta.

Saya difahamkan kekurangan ini adalah kerana kemelesetan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, saya bimbang kebanyakan kerja memperbaiki jalan-jalan dan jambatan-jambatan tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Pada keseluruhannya taraf jalan sudah dipertingkatkan, tetapi di luar bandar terutamanya di kawasan yang agak terpencil itu masih tidak dapat berpeluang menikmati jalan yang baik.

Saya ingin mencadangkan semua jalan-jalan di luar bandar patut ditarkan khasnya ke atas jalan-jalan kampung yang luasnya cuma 6 kaki itu.

Menyentuh tentang memperbaiki jalan-jalan, saya berpendapat bahawa JKR Daerah eloklah mengadakan satu unit khas yang tugasnya memeriksa jalan dan jambatan. Apabila didapati jalan-jalan atau jambatan-jambatan yang rosak, pekerjaan memperbaikinya hendaklah dijalankan dengan serta-merta, tidak payah menunggu Wakil Rakyat atau orang ramai memberitahu.

Pada hari kebelakangan ini jalan-jalan raya kerap sangat dikorek, ada kerana Jabatan Telekom menanam kabel ada juga kerana JKR sendiri menanam paip air, apabila kerja-kerja yang tersebut di atas itu siap bahagian jalan yang dikorek itu tidak dirata atau ditarafkan semula dengan serta-merta ini bukan sahaja memberi kesusahan kepada pengguna-pengguna jalan bahkan mendatangkan bahaya.

Beberapa bulan yang lalu di kawasan saya, JKR telah mengizinkan Jabatan Telekom mengorek jalan supaya menanam kabel dengan syarat Jabatan Telekom mengetarkan semula bahagian yang dikorek apabila kerjanya siap, akan tetapi jalan yang

dikorek itu selalu dibiarkan begitu sahaja, akibatnya rakyat bersungut, Wakil Rakyat dituduh, kes-kes kemalangan berlaku.

Tuan Pengerusi, semalam saya telah beritahu Dewan ini sekerat jalan dekat Kulim itu kerana ketidakselarasan di antara Jabatan Telekom dan JKR itu, JKR izinkan Jabatan Telekom korek jalan dan tanam kabel, akhirnya jalan yang dikorek itu dibiarkan berlubang-lubang; kata Jabatan Telekom, JKR beri anggaran tinggi, Jabatannya tiada peruntukan; kata JKR pula bila Jabatan Telekom beri duit kerja akan mula ketika Jabatan Telekom sepakmenyepak dan tolak-menolak di antara Jabatan Telekom dan JKR itu kemalangan jalan raya berlaku satu demi satu, bila terjadinya kemalangan kesembilan korban satu nyawa pada masa itu Wakil Rakyat marah, OCPD marah, pada keesokkannya kerja mengetarkan bahagian jalan itu pun dijalankan. Saya hairan bila ada nyawa terkorban duit pun ada, JKR harus menyediakan jalan yang lebih baik serta sempurna kepada rakyat. Kesemuanya kes-kes kemalangannya bukannya kelalaian pemandu, jalan-jalan yang berlubang dan tidak rata adalah juga salah satu punca kemalangan.

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam selalu bercakap JKR itu 'Jasa Kepada Rakyat', tetapi bagi saya JKR itu 'Jangan Korban Rakyat'.

Tuan Pengerusi, menyentuh pula Maksud B. 62, Butiran 1100, Program (4) Berkenaan Bangunan-bangunan. Saya dapati banyak kerja pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan tergendala oleh kerana pemborong-pemborong lari, ini telah mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian berjuta-juta ringgit setiap tahun dan juga masa telah dibazirkan. Kementerian berkenaan harus mengkaji sistem sekarang dan menyiasat sebab apa banyak projek

tergendala, adakah ini kerana bayaran kepada pemborong itu lambat? Ataupun pemborong itu tidak bertanggungjawab? Tindakan yang sesuai eloklah diambil dengan sertamerta supaya Kerajaan tidak berterusan mengalami kerugian dan menjamin semua projek itu siap mengikut jadual, ini barulah setanding dengan cogan kata: 'Bersih cekap dan Amanah'.

Akhirnya, saya hendak menyentuh berkenaan P. 62, Butiran 65 (iii) Bekalan Air Kedah Tengah/Selatan.

Peruntukan bagi Butiran ini ialah \$400,000 untuk tahun 1982 dan bagi tahun 1983 sudah menjadi \$7 juta, tambahan \$6.6 juta. Erti kata pada tahun depan kebanyakan kawasan itu akan mendapat bekalan air, maka haraplah JKA dapat menjalankan kerja yang lebih cepat supaya semua keluarga di luar bandar itu dapat menikmati kemudahan air pancut dan di skim-skim perumahan dalam bandar supaya mendapat bekalan air yang cukup.

Dengan ini, saya sokong Belanjawan bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam bagi tahun 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sandakan.

6.12 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, I refer to Maksud B. 62, Butiran 1100 (1) Administrative and Management Services and (5) Airports, Ports and Jetties.

On 23rd November, 1982, the Minister of Works and Public Utilities informed the House during Question Time that the toll at the Plaza Toll will be a permanent feature and that toll will be introduced wherever there is a highway. The reply shocked Malaysian road users. The Government constructed trunk roads because of necessity for development and to provide a freer flow of communication amongst the people. The funds provided for constructing trunk roads are derived from taxes such as import duty on vehicles, road tax and so on. Since the Government has increased the road tax tremendously, therefore it is the duty of the Government to provide good roads to the rakyat and there should not be a toll of a permanent nature. If the Government intends to recover the money spent for constructing the trunk roads, then toll collection should be stopped once the money spent has been recovered. The Government must put the interest of the people at heart and should not create unnecessary burden onto the people. Although the Minister of Works and Public Utilities also paid the toll at the opening of the Seremban Toll Plaza, I suppose he claimed it back from his Ministry, which after all gets its funds from the rakyat. I hope the Minister will consider my proposal that toll collection should be stopped once the money expended for a particular highway has been recovered.

Tuan Pengerusi, the construction of the Sandakan New Airport runway is nearing completion. The construction has brought relief to the people of Sandakan. At least, the long wait for a new airport runway with night landing facilities is over as it will be in operation next year. The new runway will also provide landing facilities for airbus. Thus, the air traffic congestion in Sandakan will be resolved. In connection with the construction of the new runway and the new airport in

Sandakan, I would like to draw the attention of the Minister of Public Works and Utilities to the problems caused by the contractor to the nearby residential areas.

Firstly, in the acquisition of the land for the construction of the new airport, it would appear the Government has no consistency in its plan as the acquisition was done on a piece-meal basis. This undoubtedly caused hardship to the land owners in the area. Some land owners even had to demolish their houses because these houses were obstructing the construction of the new airport. Although the people affected co-operated, yet they were not paid sufficient compensation. They were paid compensation which is well below the market price. Compensation offered for houses were not even sufficient to build a new house. Up till now, the majority of the people affected have yet to be paid their compensation money. I urge the Ministry of Public Works and Utilities to look into the matter and ensure that these people are not made victims of development.

The other point is that when the development project started, all the old roads were blocked and caused service problems as the residents found it difficult to go out from their houses. Further, the whole area is covered with dust causing pollution and is a health hazard. I urge the Government to take immediate steps to solve these problems.

Tuan Pengerusi, I refer now to Maksud P. 62, Butiran 51, Trunk Roads in Sabah, and also Butiran 111, Sabah Water Supply Schemes. The allocation for trunk roads in Sabah has been reduced from \$55,710,000 in 1982 to \$41,100,000 in 1983, i.e. a total reduction of \$14,610,000 which is 26.23%. Sabah is considered backward and faces communication problems. The road system is still far

behind compared to that of Semenanjung Malaysia. Many roads are still under construction, such as the East Trunk Road where the sector between Sandakan, Talupid and Lahad Datu, which is the main highway linking the east and west, is still not tarred, and this has caused problems to road users. Many goods produced in the interior are unable to be transported to the towns to be sold. I urge the Government to allocate more funds for the construction of roads in Sabah and at the same time expedite the construction of roads in Sabah.

The Government has allocated \$15,454,400 to improve the water supply schemes in Kota Kinabalu, Sandakan and Tawau next year. Water shortage is a common phenomenon in all the towns in Sabah causing undue hardship to the people, especially when water supply is cut off for a week or more. Many houses in the urban area still have no direct water supply to their houses and depend mainly on the public water stand-pipes, which were built a long time ago. It is strange that, after the General Election in 1978, when Sandakan fell to the DAP, the public stand-pipes also dried up quite frequently, particularly at the Tiu-Fu San area, which is just 1¼ miles away from Sandakan town. The people are prepared to install direct water-pipes to their homes, but the authority concerned would not entertain their application.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.19 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dalam Maksud B. 62 dan P. 62 yang mana jumlah Belanja Mengurusnya \$216,896 juta dan Belanja

Pembangunannya berjumlah \$1,317.78 juta yang jumlah semuanya \$1,534.8 juta lebih. Pada pandangan saya, Kementerian ini perlulah mendapat peruntukan lebih banyak lagi kerana negara kita adalah negara membangun, maka sebab itulah peruntukan yang diminta ini adalah sedikit kalau kita banding dengan kemajuan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 587, Butiran 1100, Program (1) Perkhidmatan-perkhidmatan Pengurusan dan Pentadbiran, (2) Jalan dan Jambatan, (3) Bangunan-bangunan dan (6) Perkhidmatan-perkhidmatan Sokongan Teknikal.

Tuan Pengerusi, kita tahu peranan yang dimainkan oleh JKR begitu penting sekali kepada negara. JKR juga sedang memajukan pemborong-pemborong bumiputera di dalam negara kita ini, berbagai-bagai helah dijalankan oleh mereka, baik di segenap peringkat daripada pemborong kelas F sehingga kelas A. Memang Kementerian ini kita tengok menjalankan sungguh-sungguh hendak membantu tetapi, Tuan Pengerusi, saya ingin membuat teguran bagi pemborong-pemborong kecil iaitu Kelas F yang mana hendak membuat kerja dengan JKR kerana kita tahu negara kita ini bahasa rasminya adalah Bahasa Kebangsaan, saya berasa kluatir sehingga hari ini borang PWD. 4 masih digunakan tetapi malangnya pemborong-pemborong Kelas F ini adalah terdiri daripada kaum bumiputera kerana borang PWD. 4 ini adalah masih di dalam bahasa Inggeris. Jadi saya mintalah Kementerian berkenaan kalau boleh buatlah borang lain kerana bahasa rasmi negara kita adalah Bahasa Malaysia.

Saya boleh contohkan kerana borang itu adalah berlainan dan lari daripada dasarnya. Izinkan saya, Tuan Pengerusi, sebagai contohnya

“Government of Malaya” kerana tidak ada Government of Malaya, sepatutnya Government of Malaysia; buat “Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu”; “State of” “Requisition on the Public Works Department” dan lain-lain lagi yang mana kalau pemborong bumiputera yang jumlahnya lebih kurang 7,000 orang lebih di dalam negara kita dapat borang yang semacam ini maka sudah tentu mereka kena minta tolong orang yang faham bahasa Inggeris yang mana sudah tidak ramai boleh faham bahasa Inggeris ini, maka jadi kesulitan kepada mereka.

Saya mintalah Kementerian yang berkenaan kalau boleh borang ini tukarlah segera untuk menjaga imej negara kita yang kita praktikkan Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi, borang ini ditukarkan segera, kalau boleh buat fotostet sudahlah, kerja-kerja dia pun kecil sahaja. Itu adalah teguran saya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, ramai pemborong-pemborong bersungut tawaran kerja yang dibuat oleh JKR dalam akhbar mereka ini masuk tawaran kerja segenap lapisan tetapi malangnya pihak JKR, saya tidak tahu di mana silapnya, terpaksa tulis kepada pemborong yang berjaya dengan tender itu suruh sambungkan masa daripada satu masa ke satu masa. Ini sungguhlah kita berasa ganjil sedikit kerana perkara yang semacam ini tidak pernah berlaku dahulu. Sebagai contohnya, di Alor Setar tawaran membina Sekolah Kebangsaan Sungai Korok sudah dekat setahun, tetapi pemborong yang tawarannya habis rendah itu dapat surat daripada JKR minta tolong sambungkan masa. Sebab apa perkara yang semacam ini kerana kontraktor-kontraktor ataupun pemborong-pemborong ini adalah mencari makan dengan kerja itu, kebanyakan pemborong-pemborong sekarang tidak ada kerja yang hendak dibuat oleh mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh JKR memang bagus dan baik. Sebagai contohnya, di Alor Setar pada hari ini banyak pembangunan-pembangunan sedang dijalankan oleh Lebuhraya, oleh JKR dan sebagainya. Banyak perubahan-perubahan, sebagai contohnya Pejabat OCPD Alor Setar terpaksa kena pindah daripada pejabat yang sedia ada pergi tumpang di berek yang dibina oleh JKR dijadikan Pejabat OCPD. Bila saya balik minggu sudah, saya pergi hendak berjumpa dengan OCPD mengenai masalah personal saya; saya sungguh terkejut bila pergi ke Pejabat OCPD Alor Setar saya terpaksa lalu jalan yang begitu buruk sekali. Bereknya sudah siap, bangunan 4 tingkat telah siap tetapi jalan tidak begitu sesuai untuk menjadikan Pejabat OCPD Alor Setar kerana jalan cukup buruk, kereta hendak masuk pun tidak boleh. Maka sebab itulah saya minta kalau boleh JKR tolong tengok. Kalau hendak beri Pejabat OCPD untuk menjaga keamanan dalam Alor Setar, berilah keistimewaan supaya kereta OCPD itu boleh masuk ataupun kereta Wakil Rakyat macam saya hendak pergi pun tidak payahlah tolak-tolak kerana lekat diselut. Ini sungguh mengaibkan kerana perbelanjaan itu sangat sedikit saya agak, lebih kurang dalam 2 rantai sahaja tetapi jalan tidak dibuat dengan begitu elok.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya daripada Ulu Muda tidak ada jalan Federal tetapi oleh kerana PWD di bawah Kerajaan Negeri, mereka banyak bergantung kepada Ibupejabat di Kuala Lumpur. Segala-galanya mesti mendapat kelulusan daripada Kuala Lumpur. Di tempat saya, saya sungguh sedih kerana kebanyakan jalan di kawasan Ulu Muda sungguh buruk. Saya tengok ada satu Bina Kuari di Bukit Perak—Bukit Perak ini boleh kata di tengah-tengah dalam

negeri Kedah; pertengahan negeri Kedah—ada satu Bina Kuari yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah tetapi dengar kata Syarikat Permodalan Kebangsaan telah ambil, dia joint-venture dengan Singapura. Tiap-tiap hari lori yang pergi ke Bina Kuari yang mengeluarkan batu begitu banyak sekali, beratus-ratus lori. Jalan adalah jalan luar bandar, foundationnya tidak begitu kuat, maka jalan itu telah jadi bendang hari ini, kebanyakannya rosak. Sungguhpun ini tanggungjawab Kerajaan Negeri kerana jalan ini adalah jalan Negeri tetapi saya mintalah Ibupejabat JKR kalau boleh tolong pergi tengok jalan-jalan yang rosak begitu teruk sekali daripada Pendang sampai Bukit Perak. Di sebelah Sik jalan boleh dikatakan baik juga tetapi mengapa daripada Bukit Perak sehingga sampai ke pekan Pendang yang jauhnya lebih kurang 10 batu, boleh kata sudah jadi sungai, alur tengah batas. Jadi kalau boleh kita mintalah JKR oleh kerana Bina Kuari itu mengeluarkan batu, kena beri syarat-syarat tertentu, muatan lori-lori itu mesti dihadkan, janganlah lebih kerana jalan itu digunakan oleh beratus-ratus lori yang pergi tiap-tiap hari ke kuari yang mengeluarkan batu daripada Bukit Perak sana.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya dapat faham bahawa JKR akan mengadakan satu ringkasan jalan daripada Sik ke Alor Setar dan dengar kata jambatan akan dibina di Jeneri dan Gajah Putih kerana saya tengok keadaan itu mungkin betul kerana jalan telahpun ada, daripada seberang sana sampai ke sungai - berhenti, seberang sini pun ada jalan pergi ke sungai, jambatan tidak ada. Saya tanya Ibupejabat, katanya rekabentuk sedang dibuat, sudah 3 tahun lebih. Jadi rekabentuk jambatan 3 tahun ini saya tidak tahu apa contoh jambatan yang akan dibuat di Gajah Putih itu kerana jambatan ini begitu penting sekali kepada daerah Sik terutama

sekali Ulu Muda, kerana pada hari ini kalau saya hendak pergi ke Sik saya mesti lalu ikut Jerai ataupun ikut Kuala Muda, ataupun ikut Padang Terap. Jadi kalau ada jambatan itu boleh ringkaskan perjalanan daripada Pendang pergi ke Sik, tidak payah masuk kawasan orang. Jadi saya sebagai Wakil Rakyat terpaksa lalu kawasan orang kalau hendak pergi ke kawasan saya, maklumlah ini kawasan 'hulu'.

Tuan Pengerusi, lagi satu saya tengok mengapa dan sebab apa kerana ini adalah kerja-kerja yang dijalankan oleh JKR juga, sebuah hospital di Sik. Saya ucap terima kasih kepada JKR dan kepada Kementerian Kesihatan kerana hendak buat satu hospital yang ulung di Sik. Hospital itu sepatutnya siap pada tahun 1981 tetapi sehingga hari ini pun masih dibina tidak sampai 50%. Mengapa dan sebab apa lambatnya hospital itu wujud kerana maklumlah di kawasan hulu-hulu ini sakit cirit-birit dan macam-macam lagi, maka mereka terpaksa pergi berpuluh-puluh batu ke Sungai Petani atau ke Alor Setar.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya minta Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini, JKR membuat kajian hubungan di antara Sik dengan kawasan luar terutama sekali daripada Lubok Merbau hendak pergi ke Alor Setar mereka terpaksa berjalan berpuluh-puluh batu tetapi ada caranya kalau mereka buat kajian kerana baru-baru ini saya pergi dengan Timbalan Menteri Pelajaran ke satu kawasan bernama Sungai Siput - Sungai Siput di Kedah, bukan Sungai Siput tempat Menteri Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam (*Ketawa*). Jadi di situ ada penduduknya hampir 1,000 orang dan Timbalan Menteri Pelajaran hendak buat sekolah di situ, hendak membantu kerana penduduk-penduduk di situ kebelakangan dari segi pelajaran tetapi malangnya jalan begitu buruk sekali.

Timbalan Menteri Pelajaran pergi kerana saya tegur di dalam Parlimen hari Jumaat, hari Sabtu dia pergi ke kawasan saya dan saya minta Kementerian-kementerian lain pun tirulah Kementerian Pelajaran ini. Bila dia pergi, dia kata jalan teruk dan saya kata: Tidak apa, Dato', saya akan cakap di Parlimen, kerana jalan yang semacam ini kalaulah boleh dibuat daripada Lubok Merbau pergi ke Sungai Siput, pergi ke Sungai Ma selepas itu keluar ke Padang Durian, maka orang-orang di Lubok Merbau boleh pergi ke Alor Setar, boleh meringkaskan lebih kurang 15 batu lebih. Demikian juga jambatan yang saya sebut tadi, orang Sik pergi ke Alor Setar tidak payah berjalan 44 batu, lebih kurang 30 batu sahaja. Ini menyenangkan rakyat, rakyat yang kebelakangan yang tinggal begitu jauh di pendalaman kerana orang-orang Sik memanglah ketinggalan selama hari ini. Dengan ada hubungan, JKR telahpun membuat jalan tetapi jalan tanah, tidak bertar lagi, itupun kalau boleh mintalah pihak JKR membina jalan-jalan bubuh tar kerana maklumlah orang ulu inipun sudah ada kereta, ada motor banyak di Kedah ini, jadi mustahaklah jalan itu dibuat dengan begitu teratur dan sempurna dengan jambatan yang saya maksudkan jambatan Jeneri dan Gajah Putih ini.

Tuan Pengerusi, untuk mengakhiri ucapan saya ini, inginlah saya merujuk kepada Lebuhraya Timur/Barat. Lebuhraya ini, orang Pulau Pinang, orang sebelah utara memang seronok, orang Kelantan pun seronok kerana hubungan mereka dengan utara begitu dekat sekali. Jalan lebuhraya itu begitu baik sekali, tetapi perjalanan daripada Baling pergi ke Grik, kalau kita hendak pergi, dua jam pun tidak boleh sampai, kerana jalan bengkok-bengkok macam jalan Pahang dahulu, maka ini juga saya minta Lebuhraya Timur/Barat ini kalau boleh disambungkan lagi, jangan dihentikan

setakat Grik sahaja. Kalau siap dari Grik sampai ke Baling maka senanglah orang-orang daripada utara, Pulau Pinang, Perak hendak pergi Kelantan, maka hubungan Kelantan dengan Kedah lebih dekat lagi.

Tuan Pengerusi, saya agak itu adalah pandangan-pandangan saya dan teguran-teguran saya. Lagi satu di tempat saya, saya berasa bangga ada lima buah jambatan kayu. Saya tiap-tiap kali mesyuarat Pembangunan Negeri, saya kata, "Datuk Pengerusi, saya mintalah kalau boleh tak usah buang jambatan ini." Saya panggil 'antique bridges', semua daripada kayu, ada 5 lagi daripada Kubur Panjang pergi sampai FELDA, Sungai Tiang ada lima biji. Baru-baru ini satu jambatan collapse.

Tuan Pengerusi: Itu boleh simpan di Muzium, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Ya antique bridges. Saya tengok Menteri tidak ada. Kalau hendak lihat antique bridges boleh pergi ke Ulu Muda, ada di Ulu Muda. Baru-baru ini satu jambatan roboh, budak-budak ke sekolah tidak boleh dan bas tidak boleh lalu. Yang dikatakan antique itu satu kereta atau satu bas sahaja boleh lalu, dia tidak boleh selisih di atas bridge. Oleh sebab itu, kalau JKR, Kedah minta duit hendak buat 5 bridges, buat culvert dan sebagainya, tolonglah timbang kerana ini adalah antique bridges, bridges itu hendak dibawa ke Muzium. Saya mintalah kalau boleh tolong beri perhatian supaya jalan daripada Sungai Tiang pergi ke Kubur Panjang itu ada 5 jambatan kayu supaya diambil alih bubuh jambatan-jambatan itu dengan sempurna supaya gangguan rakyat tidak berlaku di dalam kawasan pendalaman.

Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian saya lebih-lebih lagi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang telah memberi kepercayaan dan menerima kasih dan memuji langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya. Sepanjang perbincangan saya dapati ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menumpukan kepada perkara-perkara seperti berikut:

Yang pertamanya, pembinaan jalanraya dan jambatan-jambatan baru. Tuan Pengerusi, dalam soal ini, Kementerian saya sentiasa membuat rancangan-rancangan untuk memenuhi kehendak satu negara yang sedang membangun yang amat sangat kekurangan dalam serba-serbi tetapi maktumlah sungguhpun azam begitu besar untuk mengadakan kesemua jambatan-jambatan yang berkonkrit, jalan-jalan yang baik untuk menghubungkan dari satu tempat ke satu tempat tetapi perkara ini tidak dapat berbuat dengan serta merta dengan sekali gus. Kami telah mengadakan prioriti-prioriti untuk mengidentifikasi tempat-tempat yang lebih teruk keadaannya, yang lebih mustahak kepada pengguna-pengguna yang lebih memberi faedah kepada negara. Program-program ini sentiasa dilaksanakan daripada setahun ke setahun sepertimana yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri dapat

tahu daripada peruntukan yang diminta daripada Dewan yang mulia ini.

Dalam soal membaiki dan menaikkan taraf jalan raya-jalan raya lebih-lebih lagi jalan raya-jalan raya yang di bawah kelolaan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri, Kementerian saya sentiasa memberi pertolongan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan supaya jalan-jalan ini direkabentuk dengan pertolongan daripada Kementerian saya dan juga jika perlu bantuan-bantuan secara lain supaya jalan-jalan ini dapat dibaiki atupun disempurnakan bagi kemudahan pengguna-pengguna dalam negeri yang tersebut. Tetapi walau bagaimanapun, sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, mengikut Perlembagaan, ada jalan-jalan yang tidak dapat diambil alih oleh Kementerian saya dan terpaksa ditinggalkan sebagai jalan-jalan negeri yang dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh sebab itu, jalan-jalan ini tidak dapat sangat dicampur tangan oleh pihak Kementerian saya kerana ini adalah menyentuh hak tanggungjawab Kerajaan masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit sebanyak atas perkara-perkara spesifik yang telah dikeluarkan ataupun disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu. Yang pertamanya, Yang Berhormat dari Petaling telah begitu panjang menyentuh perkara yang telahpun ditimbulkan beberapa kali dalam surat khabar yang telah menjadi satu perkara yang hangat di satu ketika di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Ini adalah berkaitan dengan tanah yang digezetkan oleh pihak Kementerian saya untuk diambil alih bagi mengadakan satu jalan untuk masuk ke satu lot yang dinamakan Lot 159 yang dikehendaki sepertimana

Yang Berhormat sendiri telah sebut, yang dikehendaki oleh Ordinan Lalulintas 70 (a). Sukalah saya memberi penerangan lebih jelas atas perkara ini. Yang sebenarnya, tindakan yang dibuat oleh Kementerian saya ialah dikehendaki oleh undang-undang. Bagi mana-mana lot yang tidak dapat dimasuki (rendered inaccessible) mestilah diberi jalan gantian oleh Kementerian Kerjaraya kalau jalan itu ditutup oleh pihak Kementerian. Dalam soal ini tanah yang berkenaan itu telahpun ada access (route) yang boleh digunakan oleh pihak tuan tanah bila-bila masa sahaja tetapi oleh kerana jalan besar lebuh raya ini telah terpaksa dilalui di hadapan lot ini maka dengan sendirinya access (route) ini tertutup kepada tuan tanah Lot 159.

Oleh kerana tidak ada jalan lain lagi dan dikendaki oleh undang-undang maka terpaksa Kementerian saya minta supaya tepi pagar tanah yang tidak digunakan oleh sekolah yang berkenaan untuk padang digunakan untuk menjadi jalan untuk masuk ke Lot 159 ini. Mungkin pada sisi Yang Berhormat ini tidak adil kerana kononnya kepentingan rakyat, orang yang lebih ramai tidak dijaga kerana kepentingan rakyat, orang yang lebih ramai tidak dijaga kerana kepentingan seseorang lebih-lebih lagi dituduh orang yang berpengaruh terpaksa dijaga. Kalaulah tanah ini terkena kepada kita jadi tuan punyanya, Tuan Pengerusi, saya percaya kalaulah tanah ini tidak dapat digunakan kerana tidak ada jalan kerana Kerajaan tutup jalan itu maka kita kata Kerajaan itu tidak adil, tidak cekap, tidak bersih. Tetapi kalaulah tanah kita kena ambil untuk menjaga keadaan ini maka kita pula boleh balik katakan Kerajaan tidak cekap, kerana tanah sekolah diambil.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat satu-satu langkah yang diambil oleh pihak Kementerian saya,

kita memang mengkaji dengan secara mendalamnya betul-betul untuk menjaga kepentingan kesemua pihak yang berkenaan. Jadi kalaulah jalan ini dibuka dengan pengambilan tanah tepi pagar, tanah yang tidak digunakan pada hari ini sebagai satu daripada bahagian padang permainan tetapi oleh kerana perkara ini boleh menggunakan secara ekonomik yang lebih tinggi ke atas Lot 159 dengan tidak menjadi satu perkara yang tidak baik timbul kepada pihak yang lain tidak sebegitu tidak baik tetapi sebaliknya memberi keuntungan kepada tuan tanah Lot 159 dengan secara adil kita telah menutup dan telah memberi jalan yang lain, saya rasa itu amatlah adil dalam cara kita menyelesaikan perkara ini. Saya percaya Yang Berhormat sendiripun telah melawat ke kawasan ini dan telahpun melihat dengan mata sendiri apakah keadaan yang sebenarnya tanah yang hendak digunakan sebagai jalan. Lagi pun pihak Kementerian saya telahpun menawarkan beberapa pertolongan supaya kemudahan-kemudahan permainan di sekolah ini dapat diteruskan dengan cara memindah court-court badminton dan sebagainya dengan harga yang akan dibayar oleh pihak tuan tanah Lot 159 ini. Jadi, pada rumusannya, pihak Kementerian saya susah hendak membatalkan gazette ini tanpa menimbulkan satu action yang illegal ataupun yang tidak baik kepada pihak yang berkenaan dan oleh kerana ordinan ini adalah satu undang-undang dan keadaan ini boleh diguna di bawah undang-undang ini maka kemungkinan besar pihak Kerajaan akan diseret ke mahkamah kerana tidak dapat membekalkan jalan gantian sepertimana yang dikehendaki oleh Seksyen 70(a) Road Traffic Ordinance. Itulah keadaan yang sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah ini satu cadangan bererti bahawa

kedudukan atau pendirian Kerajaan atau Kementerian berkenaan atas perkara ini menggunakan tanah permainan murid-murid itu satu ketetapan yang muktamad, dan sungguhpun ada ucapan oleh Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor akan mengkaji perkara ini, perkara ini sudah muktamad tidak akan dikaji semula.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, seperti yang saya terangkan tadi ini adalah kehendak undang-undang yang terkena kepada Kementerian saya. Tidak ada jalan lain lagi bagi Kementerian Kerjaraya melainkan ambil langkah ini. Soal Kerajaan Negeri hendak mencari jalan lain untuk menyelesaikan bagi memuaskan hati kesemua pihak, itu adalah hak dan privilege yang ada kepada Kerajaan Negeri. Kemungkinannya Kerajaan Negeri membeli tanah lot 159 ini untuk kegunaan lain ataupun apa cara sahaja. Tetapi bagi pihak Kementerian saya ini sahajalah jalan yang ada pada kami.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Pengerusi, boleh minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan Kementerian beliau akan mencari cara lain untuk kepentingan orang ramai. Tetapi saya hendak bertanya sama ada Kerajaan tidak akan membatalkan gazette ini oleh kerana Kementerian akan menggunakan 23,021 kaki persegi yang telah digezettekan akan diambil ataupun Kementerian akan mencari cara lain tanah di tepi padang yang tidak digunakan. Saya tidak berapa faham kenyataan itu, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, sepertimana saya terangkan tadi untuk menjaga daripada melanggar undang-undang pihak JKR ataupun Kementerian Kerjaraya dan

Kemudahan-kemudahan Awam mesti membekalkan satu route kepada tanah Lot 159. Itulah perkara yang menjadi dasar. Soalnya di manakah boleh kita cari jalan ataupun kawasan tanah yang ada untuk dijadikan jalan. Setelah dibuat kajian sepenuhnya di meratarata dan sekeliling tempat ini untuk masuk ke Lot 159 ini cuma ada satu sahaja jalan iaitu di tepi padang permainan yang tidak digunakan pada masa ini oleh pihak sekolah yang berkenaan sungguhpun keluasanya 23,000 kaki persegi tetapi oleh kerana tanah ini secara memanjang jadi tidaklah sebegitu luas sehingga memakan begitu banyak padang ini tetapi kerana memanjang ini maka jadilah dalam persegi 23,000 kaki. Memanglah kalau panjangnya itu barangkali 10 batu cuma dua kaki lebarnya boleh juga menjadi 23,000 kaki persegi. Tetapi oleh kerana tanah atau jalan ini ada juga panjang dan lebarnya saya tidak dapat memberi angkanya tetapi oleh kerana panjangnya jalan itu maka 23,000 kaki ini tidaklah bermakna. Jalan ini akan menduduki kesemua padang yang berkenaan. Jadi, itulah untuk penerangan kepada Yang Berhormat.

Perkara yang kedua yang telah dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling ialah memberi peluang kepada jurutera-jurutera lepasan baru yang sedang membuat latihan dengan jabatan-jabatan Kerajaan untuk diserapkan menjadi kakitangan permanent. Sukalah saya memberitahu Yang Berhormat ini adalah satu perkara yang lazim dibuat oleh mana-mana jabatan tetapi ini bergantunglah kepada kedudukan kekosongan yang ada dalam jabatan-jabatan yang tertentu bahkan ada masa dulu kita terpaksa menjemput jurutera-jurutera daripada luar negeri untuk berkhidmat kepada Kerajaan dengan cara menjadi kakitangan JKR. Tetapi pada hari ini

oleh kerana telah ramai jurutera-jurutera yang ada bertugas dengan Kementerian dan Jabatan Kerjaraya maka kekosongan itu tidaklah begitu banyak.

Oleh kerana Kerajaan telahpun menghantar beberapa ramai murid-murid dengan scholarship dan dalam syaratnya pula Kerajaan akan memberi kerja selama 5 tahun ataupun 7 tahun sebagai syarat, maka mereka ini terpaksa diberi tempat dalam jabatan-jabatan Kerajaan apabila mereka balik daripada negeri-negeri luar kerana mereka menjalankan pelajaran. Pihak Kementerian saya dengan kerjasama JPA terpaksa mengawasi kedudukan yang sebenarnya untuk mendapat tahu berapa ramaiakah pemegang-pemegang biasiswa ini akan balik dalam satu-satu tahun dan berapa banyakkah kekosongan yang ada. Kalau ada lebih kekosongan maka kami juga mengambil jurutera-jurutera daripada pihak-pihak lain.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jelutong telah tidak menyentuh secara langsung kegiatan-kegiatan dalam Kementerian saya melainkan cuma etika kerja yang pada pendapat saya beliau sendiri telahpun menyokong. Cuma barangkali tidak tahan hendak menunggu untuk menunjukkan kebolehan beliau dalam mahkamah kerana kes itu sedang dalam mahkamah maka beliau tidak tahan, beliau telahpun menggunakan Dewan yang mulia ini untuk mengeluarkan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, tak apalah oleh kerana ini tidak menyentuh Kementerian saya, maka saya tidak akan memberi apa-apa teguran.

Yang Berhormat dari Tenggaraoh telah menyentuh perkara jalan 66 batu dan jambatan-jambatan kayu di antara Kluang dengan Mersing. Seperti saya katakan tadi program sedang dijalankan oleh pihak Kementerian

saya untuk menaikkan taraf jalan-jalan lama dan memperbaiki ataupun menukar jambatan kayu kepada jambatan kongkrit. Sukacita saya memberi tahu kepada Yang Berhormat, jalan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat telahpun kita sediakan 3 jambatan iaitu jambatan 2/99, 3/99 dan 4/99 untuk digantikan dengan jambatan kongkrit dan rekabentuknya telahpun siap dan pada masa sekarang sedang diuji tanah untuk diselenggarakan. Dalam segi jalan pula, jalan di antara batu 91.25 ke batu 106 sedang dijalankan satu kajian rekabentuk dan projek ini dimulakan pada tahun 1983.

Dalam segi membekalkan bangunan-bangunan pejabat Kerajaan yang lebih selesa, kebanyakan daripada bangunan-bangunan pejabat ini adalah diserahkan kepada JKR untuk dilaksanakan dengan peruntukan daripada Kementerian masing-masing. Di sini JKR boleh dikatakan sebagai turn-key contractor sahaja. Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan ini adalah dibekalkan oleh pihak Kementerian kewangan dan cuma dibuat dan diselenggarakan oleh Kementerian saya. Pihak Kementerian saya memanglah menyokong pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan supaya bangunan-bangunan pejabat Kerajaan patut disediakan dengan lebih selesa lagi tetapi bergantunglah kepada sama ada kewangan itu daripada Kementerian masing-masing dapat disalurkan melalui Kementerian saya untuk dilaksanakan.

Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah menunjukkan keadaan bekalan air yang begitu kekurangan di kawasan beliau bahkan di seluruh kawasan Kedah. Tetapi seperti yang Berhormat sedia maklum tujuan kita tiap-tiap tahun meminta lebih banyak peruntukan bagi bekalan air di Kedah ini adalah kerana di seluruh negeri Kedah ada satu rancangan yang besar

yang meliputi beberapa rancangan-rancangan untuk membekalkan air ke seluas-luas kawasan Kedah bukan sahaja di bandar-bandar bahkan juga di luar-luar bandar. Pengesyoran beliau dalam mengadakan bekalan ini supaya telaga-telaga di bawah tanah juga dapat disediakan, sukacitalah saya maklumkan sebanyak 250 telaga telahpun digali tetapi malangnya air yang nampak banyak di atas permukaan bumi tidak semestinya cukup untuk memberi bekalan kepada kawasan-kawasan tertentu yang menggunakan telaga sebagai punca (source) di bawah tanah. Oleh sebab itu kajian secara mendalam terpaksa dibuat sama ada kos untuk menggali telaga dan mengadakan pam-pam lebih tinggi ataupun lebih rendah daripada jika kita memperbesarkan rangkaian daripada bandar-bandar diteruskan ke luar-luar bandar. Rancangan untuk meneruskan source daripada bandar ke luar-luar bandar telahpun dijalankan dan itulah sebabnya peruntukan yang bertambah dari masa ke semasa dipohon daripada Dewan ini.

Air daripada punca pertanian tidak dapat digunakan dengan secara sewenang-wenangnya oleh pihak JKR kerana tiap-tiap punca yang hendak digunakan oleh pihak JKR ada masanya setelah diminta daripada pihak Kerajaan Negeri dengan adanya pula persetujuan daripada badan-badan pertanian seperti MADA dan sebagainya ada juga masanya kita tidak dibenarkan menggunakan punca-punca air pertanian kerana hendak menjaga kepentingan agriculture di kawasan itu.

Yang Berhormat dari Padang Serai telah juga menyebut beberapa perkara berkaitan dengan jalan-jalan dan jambatan-jambatan, telahpun saya terangkan dan satu pengesyoran supaya semua jalan-jalan di luar bandar ditarkan. Sukacita saya maklumkan ini adalah satu hasrat

Kerajaan tetapi buat sementara ini dibanyakkkan jalan lebih dahulu, cuma setengah-setengah jalan sahaja ditarkan dan pada hari ini tanggungjawab ini telahpun diserahkan kepada satu Kementerian khas untuk menjaga kepentingan jalan-jalan di luar bandar iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dalam segi mengkodinasi atau menyelaraskan kerja-kerja yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan dengan JKR seperti agensi Telekom, LLN dan sebagainya, memanglah semenjak daripada beberapa tahun perkara ini telah ditimbulkan. Beberapa langkah telahpun dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menyelaras perkara ini sehinggakan satu masa dahulu satu jawatan Pengarah telahpun diadakan dengan jabatan yang khusus untuk menyelaraskan perkara ini tetapi oleh kerana dalam kita menyediakan budget ataupun pelaksanaan tidak semestinya ke semua agensi-agensi ini ada priority yang sama kepada satu-satu kawasan itu. Walau bagaimanapun, berbagai-bagai langkah telahpun diambil dan pada hari ini pihak Kerajaan yang terdiri daripada Kementerian saya dan juga jabatan-jabatan lain telahpun mengadakan satu kertas untuk dikaji oleh kesemua pihak cara-cara melaksanakan projek-projek di atas

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila sambung jawapan itu esok.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Baik.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.